



KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA

Panduan Pelaksanaan PENTAKSIRAN BILIK DARJAH

EDISI KE-2, 2019



PANDUAN PELAKSANAAN PENTAKSIRAN BILIK DARJAH

Edisi ke-2

**Bahagian Pembangunan Kurikulum
Kementerian Pendidikan Malaysia**

2019

Terbitan Oktober 2019

© Kementerian Pendidikan Malaysia

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam sebarang bentuk dan dengan cara apa-apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat kebenaran bertulis daripada Pengarah Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia, Aras 4-8, Blok E9, Kompleks Kerajaan Parcel E, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62604 Putrajaya, MALAYSIA.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan Dalam Penerbitan

ISBN: 978-967-420-341-2

Cetakan Kedua 2019

Terbitan:
Kementerian Pendidikan Malaysia
Bahagian Pembangunan Kurikulum
Aras 4-8, Blok E9,
Kompleks Kerajaan Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 Putrajaya.

KANDUNGAN

KATA PENGANTAR	vii
PENDAHULUAN	1
BAB 1 PENGENALAN	3
1.1 Matlamat Panduan Pelaksanaan PBD	
1.2 Objektif Panduan Pelaksanaan PBD	
1.3 Organisasi Kandungan	
BAB 2 PENTAKSIRAN BILIK DARJAH	5
2.1 Konsep Pentaksiran Bilik Darjah	
2.1.1 Pentaksiran Untuk Pembelajaran	
2.1.2 Pentaksiran Sebagai Pembelajaran	
i. Pentaksiran Kendiri	
ii. Pentaksiran Rakan Sebaya	
2.1.3 Pentaksiran Tentang Pembelajaran	
2.2 Objektif PBD	
2.3 Ciri PBD	
2.4 Aspek Yang Ditaksir	
BAB 3 TAHAP PENGUASAAN DAN STANDARD PRESTASI	12
3.1 Pengenalan	
3.2 Tahap Penguasaan	
3.3 Standard Prestasi	
3.4 Tahap Penguasaan Keseluruhan	
3.5 Templat Pelaporan PBD (Tahun 4,5,6 dan Tingkatan 1, 2, 3)	
3.6 Templat Pelaporan PBD Kelas (Gabungan Mata Pelajaran)	
3.7 Templat Pelaporan PBD Tahap 1	
BAB 4 PERTIMBANGAN PROFESIONAL	37
4.1 Maksud Pertimbangan Profesional	
4.2 Melaksanakan Pertimbangan Profesional	
4.3 Moderasi	
BAB 5 PELAKSANAAN PENTAKSIRAN DALAM BILIK DARJAH	42
5.1 Pelaksanaan PBD	
5.1.1 Merancang PdP dan Kaedah Pentaksiran	
5.1.2 Melaksanakan PdP dan Pentaksiran	
i. Pentaksiran Secara Lisan	
ii. Pentaksiran Secara Bertulis	
iii. Pentaksiran Secara Pemerhatian	
5.1.3 Merekod dan Menganalisis Pencapaian Murid	
5.1.4 Tindakan Susulan	
5.1.5 Melapor	
5.2 Penjaminan Kualiti PBD di Peringkat Sekolah	

- 5.3 Tanggungjawab Pihak Sekolah Dalam Pelaksanaan PBD
 - 5.3.1 Tanggungjawab Pengetua/Guru Besar/PK Pentadbiran
 - 5.3.2 Tanggungjawab Guru Kanan Mata Pelajaran (GKMP)/
Ketua Bidang/Ketua Panitia
 - 5.3.3 Tanggungjawab Guru Mata Pelajaran

BAB 6 PENTAKSIRAN BILIK DARJAH BERASASKAN PROJEK 53

- 6.1 Pengenalan
- 6.2 Matlamat Melaksanakan Projek
- 6.3 Objektif Projek
- 6.4 Model Projek
 - 6.4.1 Projek Gabungan Mata Pelajaran
 - 6.4.2 Projek Komuniti dan Individu MYPIB
 - 6.4.3 Projek Melalui Mata Pelajaran
- 6.5 Langkah Menjalankan Projek
 - 6.5.1 Carta Alir Pelaksanaan PBD Berasaskan Projek
 - 6.5.2 Proses Pelaksanaan PBD Berasaskan Projek
- 6.6 Peranan Pentadbir/Setiausaha PBD/Guru Penyelia/Murid
- 6.7 Jangka Masa Untuk Menyempurnakan Projek
- 6.8 Etika Dalam Melaksanakan Projek
- 6.9 Rubrik Pentaksiran Berasaskan Projek

BAB 7 CONTOH INSTRUMEN PENTAKSIRAN 73

- 7.1 Pengenalan
 - 7.1.1 Kaedah Pentaksiran Secara Pemerhatian
 - Contoh 1 – Senarai Semak
 - Contoh 2 – Anekdot
 - Contoh 3 – Rekod Berterusan (*running record*)
 - Contoh 4 – Gambar Aktiviti
 - 7.1.2 Kaedah Pentaksiran Secara Lisan
 - Contoh 5 – Respons Guru
 - Contoh 6 – Soalan Lisan (murid dengan guru)
 - Contoh 7 – Soalan Lisan (murid dengan murid)
 - Contoh 8 – Deklamasi Sajak (murid dengan bahan pembelajaran)
 - 7.1.3 Kaedah Pentaksiran Secara Penulisan
 - Contoh 9 – Lembaran Kerja (Soalan Latihan)
 - Contoh 10 – Lembaran Kerja (Bentuk Jadual)
- 7.2 Pentaksiran Kendiri
 - Contoh 11 – Lembaran Pentaksiran Kendiri atau Refleksi
 - Contoh 12 – Penggunaan Rubrik
 - Contoh 13 – Senarai Semak
 - Contoh 14 – Skala Kadar
- 7.3 Pentaksiran Rakan Sebaya
 - Contoh 15 – Borang Maklum Balas

BAB 8 PENGURUSAN PENTAKSIRAN BILIK DARJAH	89
8.1 Pengurusan PBD di Peringkat Sekolah	
8.2 Pengurusan PBD di Peringkat PPD	
8.3 Pengurusan PBD di Peringkat JPN	
BAB 9 PENUTUP	91
GLOSARI	92
PENGHARGAAN	95
SENARAI RUJUKAN	98

SENARAI RAJAH

Rajah 1	Komponen Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS)	1
Rajah 2	Organisasi Kandungan Panduan Pelaksanaan PBD	4
Rajah 3	Pentaksiran Formatif dan Sumatif	6
Rajah 4	Ciri Utama PBD	10
Rajah 5	Standard Prestasi dalam DSKP KSSR (Semakan 2017) Pendidikan Kesenian Tahun 1	15
Rajah 6	Standard Prestasi dalam DSKP KSSM Matematik Tingkatan 1	15
Rajah 7	Standard Prestasi dalam DSKP KSSM Geografi Tingkatan 1	16
Rajah 8	Templat Pelaporan PBD bagi KSSM Pendidikan Islam Tingkatan 1	17
Rajah 9	Halaman Panduan dalam Templat Pelaporan PBD	18
Rajah 10	Halaman Rekod Prestasi Murid dalam Templat Pelaporan PBD	19
Rajah 11	Halaman Laporan Murid (Individu) dalam Templat Pelaporan PBD	20
Rajah 12	Halaman Data Penyataan Tahap Penguasaan dalam Templat Pelaporan PBD	21
Rajah 13	Halaman Graf Pelaporan dalam Templat Pelaporan PBD	22
Rajah 14	Templat Pelaporan PBD Kelas (Gabungan Mata Pelajaran)	23
Rajah 15	Halaman Rekod Prestasi Murid dalam Templat Pelaporan PBD Kelas	24
Rajah 16	Senarai Pilihan Mata Pelajaran dalam Templat Pelaporan PBD Kelas	25
Rajah 17	Lajur Boleh Diubah Mengikut Keperluan	26
Rajah 18	Baris Boleh Diubah Mengikut Keperluan	26
Rajah 19	Halaman Laporan Murid dalam Templat Pelaporan PBD Kelas	27
Rajah 20	Halaman Data Penyataan Tahap Penguasaan dalam Templat Pelaporan PBD Kelas	28
Rajah 21	Halaman Graf Pelaporan dalam Templat Pelaporan PBD Kelas	29
Rajah 22	Templat Pelaporan PBD Tahap 1 mulai 2019	30
Rajah 23	Halaman Panduan dalam Templat Pelaporan PBD Tahap 1	31

Rajah 24	Halaman Rekod Prestasi Murid dalam Templat Pelaporan PBD Tahap 1	32
Rajah 25	Halaman Laporan Murid dalam Templat Pelaporan PBD Tahap 1	33
Rajah 26	Halaman Tafsiran TP Pertengahan (Tengah) Tahun dalam Templat Pelaporan PBD Tahap 1	34
Rajah 27	Halaman Tafsiran TP Akhir dalam Templat Pelaporan PBD Tahap 1	35
Rajah 28	Halaman Graf Pelaporan dalam Templat Pelaporan PBD Tahap 1	36
Rajah 29	Elemen Pertimbangan Profesional	37
Rajah 30	Carta Alir Pelaksanaan PBD	42
Rajah 31	Penjaminan Kualiti di Peringkat Sekolah	50
Rajah 32	Carta Alir Pelaksanaan PBD Berasaskan Projek	56

SENARAI JADUAL

Jadual 3.1	Penyataan Tahap Penguasaan	13
Jadual 3.2	Tafsiran Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi	14
Jadual 6.1	Dimensi Mengumpul Maklumat	62
Jadual 6.2	Dimensi Merancang	63
Jadual 6.3	Dimensi Mengaplikasi	64
Jadual 6.4	Dimensi Membuat Refleksi	65
Jadual 6.5	Dimensi Berkomunikasi	66
Jadual 6.6	Dimensi Etika dan Kerohanian	67
	Jadual 6.6.1 Tafsiran Dimensi Etika dan Kerohanian	68
Jadual 6.7	Tahap Penguasaan Keseluruhan Bagi Projek	70

KATA PENGANTAR



Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, dan Salam Sejahtera.

Terlebih dahulu saya memanjat setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya, Panduan Pelaksanaan PBD Edisi Ke-2 telah diterbitkan untuk memenuhi keperluan semasa.

Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) yang berkualiti dapat menentukan kemenjadian murid seperti yang dihasratkan. Dengan pelaksanaan PBD yang berkesan, guru dapat mengumpul maklumat tentang perkembangan, kemajuan dan penguasaan murid dalam proses pembelajaran mereka dan seterusnya meningkat pencapaian murid secara keseluruhan. Terbitan yang terdahulu berhasrat untuk membantu guru dalam melaksanakan PBD, di samping memberi idea kepada guru untuk mempelbagaikan kaedah pentaksiran serta kaedah pengajaran dan pembelajaran bagi mewujudkan suasana bilik darjah yang menyeronokkan.

Panduan Pelaksanaan PBD Edisi Ke-2 ini telah dikemaskini dengan maklumat yang terkini. Bab 6 yang berkaitan PBD Berasaskan Projek telah ditambah untuk menerangkan cara mentaksir projek bersama rubrik yang dibangunkan. Bab 8 yang berkaitan Pengurusan Pentaksiran Bilik Darjah memberi penerangan tentang pengurusan PBD di sekolah supaya pelaksanaan PBD lebih berkesan dan berkualiti. Selain itu, penerangan tentang Templat PBD Tahap 1 juga disisipkan dalam Bab 3 dan penerangan tentang Penjaminan Kualiti Pentaksiran Bilik Darjah juga ditambah baik dalam Bab 5.

Pentaksiran berterusan secara formatif dan sumatif dalam PBD ini merupakan tumpuan utama Kementerian Pendidikan Malaysia sebagai salah satu wahana bagi memastikan perkembangan holistik dalam kalangan murid. Sehubungan itu, buku ini juga diharap dapat menjadi panduan kepada pengurus dan pelaksana kurikulum dalam usaha memastikan kurikulum dilaksanakan dengan lebih berkesan.


Akhir kata, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dengan penerbitan buku Panduan Pelaksanaan PBD Edisi Ke-2 ini. Semoga buku panduan ini dapat dimanfaatkan oleh semua pihak yang terlibat.

Sekian.

Dr. MOHAMED BIN ABU BAKAR
Pengarah
Bahagian Pembangunan Kurikulum
Kementerian Pendidikan Malaysia
2019

PENDAHULUAN

Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) merupakan pentaksiran holistik yang terdiri daripada dua kategori iaitu akademik dan bukan akademik. Kategori akademik terdiri daripada dua komponen iaitu Pentaksiran Pusat (PP) dan Pentaksiran Sekolah (PS), manakala kategori bukan akademik terdiri daripada dua komponen lagi iaitu Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK) dan Pentaksiran Psikometrik (PPsi) seperti dinyatakan dalam Surat Siaran Lembaga Peperiksaan Bil. 3 Tahun 2011: Pemakluman Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) di Sekolah Rendah dan Menengah Rendah (KP.LP.003.07.14.05(1)) bertarikh 29 Julai 2011. Rajah 1 menunjukkan empat komponen dalam PBS.



Rajah 1: Komponen Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS)

Pentaksiran Sekolah telah dikenali sebagai **Pentaksiran Bilik Darjah (PBD)** mulai hujung tahun 2016. PBD mengekalkan semua konsep Pentaksiran Sekolah dan melibatkan penentuan tahap penguasaan murid dalam setiap mata pelajaran. Tahap penguasaan ini dinyatakan dalam Standard Prestasi seperti terdapat dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) semua mata pelajaran di bawah Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK), Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR), Kurikulum Standard Kelas Peralihan (KSPK) dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM). Selain daripada Standard Prestasi, Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran juga dirujuk dalam pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah.

Standard Kandungan (SK) ialah pernyataan spesifik tentang perkara yang murid patut ketahui dan boleh lakukan dalam suatu tempoh persekolahan merangkumi aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai. Standard Pembelajaran (SP) pula ialah suatu penetapan kriteria atau indikator kualiti pembelajaran dan pencapaian yang boleh diukur bagi setiap standard kandungan. Manakala Standard Prestasi (SPi) pula ialah suatu set kriteria umum yang menunjukkan tahap-tahap penguasaan yang perlu murid pamerkan sebagai tanda bahawa sesuatu perkara itu telah dikuasai oleh murid. Perincian perkara ini dan maklumat lain berkenaan PBD dinyatakan di dalam buku ini.

Panduan ini merupakan edisi kemas kini kepada buku Panduan Pelaksanaan Pentaksiran Sekolah yang diterbitkan oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum pada tahun 2016. Panduan ini diharap dapat memberi kefahaman dan membantu pihak pentadbir dan guru dalam melaksanakan PBD dengan lebih berkesan.

BAB 1 PENGENALAN

1.1 Matlamat Panduan Pelaksanaan PBD

Panduan Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) disediakan untuk memberi kefahaman dan membantu pentadbir sekolah dan guru dalam melaksanakan pentaksiran bagi mendapat maklum balas berkaitan perkembangan pembelajaran murid dan keberkesanan pedagogi. Maklumat daripada pentaksiran tersebut digunakan untuk merancang tindakan susulan sama ada semasa pengajaran dan pembelajaran (PdP) atau selepas PdP. Melalui panduan ini guru diberi pendedahan tentang konsep, tujuan, ciri-ciri, kaedah, aspek yang ditaksir, pertimbangan profesional, dan keperluan melaksanakan PBD serta cara mengaplikasikannya di dalam bilik darjah.


1.2 Objektif Panduan Pelaksanaan PBD

Panduan ini membantu guru:

- menentukan kaedah pentaksiran yang sesuai
- melaksanakan pentaksiran dalam bilik darjah dengan berkesan
- membuat pertimbangan profesional dalam menentukan tahap penguasaan murid
- menjalankan tindakan susulan

1.3 Organisasi Kandungan

Penerangan tentang PBD diterangkan secara terperinci dari Bab 2 hingga Bab 8. Penutup panduan ini dinyatakan dalam Bab 9 manakala istilah penting dalam PBD dijelaskan dalam glosari. Rajah 2 menunjukkan organisasi kandungan panduan ini.



Rajah 2: Organisasi Kandungan Panduan Pelaksanaan PBD

BAB 2 PENTAKSIRAN BILIK DARJAH

2.1 Konsep PBD

Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) merupakan proses yang berterusan dalam sesi PdP bagi mendapatkan maklumat tentang perkembangan, kemajuan, kebolehan dan penguasaan murid terhadap matlamat kurikulum yang dihasratkan. PBD melibatkan proses mengumpul dan menganalisis maklumat serta membuat refleksi yang berterusan terhadap PdP dalam membuat pertimbangan secara konsisten ke arah menambah baik PdP tersebut. Pelaksanaan PBD yang betul akan memberi gambaran yang jelas tentang penguasaan murid terhadap Standard Pembelajaran yang ditetapkan dalam kurikulum. Semua maklumat yang diperolehi dari pentaksiran bukanlah bertujuan untuk perbandingan atau persaingan antara murid. Sebaliknya maklumat tersebut hendaklah digunakan untuk membantu pihak sekolah dan ibu bapa untuk merancang tindakan susulan ke arah menambah baik penguasaan dan pencapaian murid dalam pembelajaran.

Guru memainkan peranan penting dalam melaksanakan PBD dengan menentukan objektif pembelajaran berdasarkan Standard Pembelajaran yang hendak ditaksir, merancang dan membina instrumen pentaksiran, melaksanakan pentaksiran, merekod hasil pentaksiran, menganalisis maklumat pentaksiran, melapor dan membuat tindakan susulan.

PBD bertujuan menambah baik pembelajaran murid melalui pentaksiran formatif, iaitu:

- Pentaksiran Untuk Pembelajaran (*Assessment For Learning*)
- Pentaksiran Sebagai Pembelajaran (*Assessment As Learning*)

Namun begitu PBD juga boleh berlaku untuk melihat pencapaian atau penguasaan murid selepas sesuatu tempoh yang bersesuaian, melalui pentaksiran sumatif. PBD membolehkan murid, guru, ibu bapa, dan pihak sekolah mengetahui kualiti pembelajaran murid. Pentaksiran ini dilihat sebagai Pentaksiran Tentang Pembelajaran (*Assessment Of Learning*).

PBD melibatkan Pentaksiran Untuk Pembelajaran, Pentaksiran Sebagai Pembelajaran dan Pentaksiran Tentang Pembelajaran seperti dalam Rajah 3.



Rajah 3: Pentaksiran Formatif dan Sumatif

2.1.1 Pentaksiran Untuk Pembelajaran

Pentaksiran untuk pembelajaran juga dirujuk sebagai pentaksiran formatif. Pentaksiran untuk pembelajaran merupakan sebahagian daripada proses PdP. Maklumat yang diperoleh daripada pentaksiran ini boleh digunakan untuk merancang strategi atau langkah seterusnya dalam pengajaran ke arah meningkatkan pembelajaran murid dan tahap penguasaan mereka. Berdasarkan tujuan ini, pentaksiran ini juga dikenali sebagai pentaksiran diagnostik.

Satu contoh pentaksiran untuk pembelajaran ialah aktiviti soal-jawab yang dijalankan oleh guru semasa sesuatu pengajaran dijalankan. Tujuan soal-jawab itu adalah untuk mengenal pasti pengetahuan, kemahiran dan nilai murid. Maklumat yang diperoleh dari aktiviti soal-jawab itu membantu guru meneruskan PdP dan merancang pelaksanaan PdP seterusnya.

2.1.2 Pentaksiran Sebagai Pembelajaran

Pentaksiran sebagai pembelajaran berlaku apabila murid membuat refleksi dan menilai perkembangan pembelajaran masing-masing. Ini membolehkan mereka memahami tujuan mereka belajar dan menyedari apa yang mereka patut lakukan bagi menguasai sesuatu objektif pembelajaran. Pentaksiran sebagai pembelajaran terdiri daripada **pentaksiran sendiri** dan **pentaksiran rakan sebaya**. Maklumat dari pentaksiran ini memberi petunjuk kepada murid tentang tahap penguasaan mereka dalam pembelajaran.

Contoh pentaksiran sebagai pembelajaran ialah murid membina peta konsep tentang apa yang telah dipelajari bagi mempamerkan pemahaman dan hubungannya dengan pengetahuan semasa. Ini membolehkan mereka memahami apa yang perlu dicapai dan apa yang patut dilakukan bagi mencapainya. Pentaksiran sebagai pembelajaran menggalakkan pemikiran metakognisi iaitu memberi peluang kepada murid belajar dan memikirkan cara mereka belajar.

i. Pentaksiran Kendiri

Pentaksiran sendiri berlaku apabila murid menilai kerja mereka sendiri berdasarkan bukti dan kriteria yang jelas bagi tujuan meningkatkan prestasi masa hadapan. Pentaksiran sendiri merupakan kaedah pentaksiran yang berkesan untuk menilai tahap pembelajaran akademik murid pada akhir tempoh pengajaran.

Kaedah pentaksiran ini menggalakkan murid untuk lebih melibatkan diri dan bertanggungjawab dalam pembelajaran sendiri, di samping memupuk minat mereka dalam pembelajaran. Kaedah pentaksiran ini dapat membantu murid untuk memikir dan menilai prestasi, tahap penguasaan, kemajuan, pencapaian, kekuatan dan kekurangan diri sendiri secara refleksi.

Bentuk-bentuk pentaksiran sendiri ialah:

- Rancangan/diari mingguan murid
- Soal selidik
- Portfolio
- Pemarkahan kerja sendiri dengan merujuk kepada kriteria tertentu
- Helaian pentaksiran sendiri yang membolehkan murid memberi ulasan tentang hasil kerja/prestasi mereka sendiri
- Maklum balas secara lisan di dalam kelas
- Perbincangan secara berkumpulan atau individu
- Kenyataan peribadi untuk kad laporan atau rekod penguasaan
- Persediaan dan perancangan ke arah hasil kerja yang muktamad
- Analisis kriteria dan keupayaan pentaksiran murid untuk menghubungkaitkannya dengan tugas mereka sendiri

Contoh berkaitan pentaksiran sendiri ditunjukkan dalam Bab 7.

ii. Pentaksiran Rakan Sebaya

Pentaksiran rakan sebaya memberi peluang kepada murid untuk belajar dalam pasukan atau kumpulan, berkomunikasi antara satu sama lain dan melibatkan diri secara aktif dalam proses pembelajaran dengan bertanggungjawab. Kaedah ini dapat meningkatkan motivasi murid dalam proses pembelajaran dan melahirkan rasa kepunyaan terhadap proses pentaksiran.

Dalam kaedah ini murid berpeluang membuat pentaksiran yang sewajarnya terhadap rakan sebaya. Di samping itu, ia membolehkan guru menilai murid dari segi kemahiran berkomunikasi dan sosialisasi semasa mereka berinteraksi sesama rakan sebaya dalam kerja berpasukan.

Contoh instrumen pentaksiran rakan sebaya ditunjukkan dalam Bab 7.

2.1.3 Pentaksiran Tentang Pembelajaran

Pentaksiran tentang pembelajaran berlaku pada akhir sesuatu tempoh, tajuk atau bidang pembelajaran. Lazimnya pentaksiran tersebut berlaku dalam bentuk ujian sumatif. Pentaksiran tentang pembelajaran juga boleh berlaku dalam bentuk pembentangan hasil projek. Maklumat dan data yang diperoleh dari ujian sumatif atau pentaksiran tentang pembelajaran ini seharusnya ditangani secara positif dalam proses pembelajaran murid.

Semua data pentaksiran bukan bertujuan untuk perbandingan antara murid. Tujuan data atau skor ujian sumatif ini perlu digunakan untuk membantu guru, ibu bapa dan pihak sekolah untuk meningkatkan tahap penguasaan murid. Di samping itu, guru juga menggunakan data untuk merancang dan melaksanakan strategi yang lebih konstruktif dan bermakna dalam menggalakkan penglibatan aktif murid dalam pembelajaran, memajukan pembelajaran mereka pada masa hadapan, seterusnya meningkatkan penguasaan dan pencapaian mereka dalam pembelajaran. Ianya bukan bertujuan untuk perbandingan antara murid. Maklumat dan data dari pentaksiran sumatif ini juga boleh menjadi petunjuk asas kepada pencapaian murid terhadap sesuatu tajuk sebelum beralih kepada tajuk atau pelajaran seterusnya.

2.2 Objektif PBD

PBD dilaksanakan untuk mendapatkan gambaran tentang kemajuan pembelajaran murid di samping memberi maklum balas tentang pengajaran guru.

Melalui PBD, guru dapat:

- mengesan pengetahuan sedia ada murid
- mengesan perkembangan murid secara menyeluruh
- mengenal pasti kekuatan dan kelemahan murid dalam pembelajaran dari semasa ke semasa
- mengetahui keberkesanan PdP
- merancang, mengubah suai dan menambah baik kaedah PdP
- menjalankan tindakan susulan yang sesuai dengan serta merta.

Melalui PBD, murid dapat:

- mengesan perkembangan diri
- mengenal pasti kekuatan dan kelemahan dalam pembelajaran
- meningkatkan pencapaian pembelajaran

2.3 Ciri PBD

Terdapat 9 ciri utama yang dapat membantu guru dalam PBD. PBD yang dilaksanakan oleh guru dapat membantu murid mengatasi masalah pembelajaran yang telah dikenal pasti pada peringkat awal lagi supaya kelemahan dapat diatasi dengan segera. PBD dilaksanakan berasaskan kepada beberapa ciri utama seperti dinyatakan dalam Rajah 4.

CIRI UTAMA PBD



Dirancang Oleh Guru

- Menilai muridnya sendiri



Bersistem

- Merancang PdP, menentukan instrumen, melaksanakan PdP dan pentaksiran, merekod, menganalisis, mengambil tindakan susulan, melapor



Formatif dan Sumatif

- Dijalankan secara berterusan
- Mengesan perkembangan, kemajuan dan penguasaan murid



Pelbagai Kaedah

- Pemerhatian, lisan, penulisan



Berasaskan Kriteria

- Menilai penguasaan berdasarkan Standard Kandungan, Standard Pembelajaran, Standard Prestasi dan Tahap Penguasaan yang ditetapkan



Menekankan Perkembangan Individu

- Berdasarkan kemampuan individu dan bukan untuk perbandingan antara individu



Mengesan Perkembangan Pembelajaran Secara Menyeluruh

- Jasmani, emosi, rohani dan intelek
- Kognitif, psikomotor dan afektif



Membolehkan Tindakan Susulan

- Mengatasi kelemahan pembelajaran
- Mempertingkatkan kekuatan pembelajaran



Menggalakkan Pentaksiran Kendiri dan Pentaksiran Rakan Sebaya

- Melatih murid mentaksir kemajuan secara berterusan
- Guru mendapat maklumat tambahan

Rajah 4: Ciri Utama PBD

2.4 Aspek Yang Ditaksir

Pelbagai aspek boleh ditaksir melalui PBD yang meliputi pelbagai kecerdasan serta perkembangan emosi dan sahsiah murid. Aspek yang ditaksir ini termasuklah aspek nilai dan kompetensi yang diperlukan dalam dunia hari ini, di samping perkembangan kognitif, afektif dan psikomotor seperti dinyatakan dalam DSKP setiap mata pelajaran.

Contoh aspek yang ditaksir ialah:

- | | |
|-------------------------|------------------------|
| ▪ Pengetahuan | ▪ Kemahiran amali |
| ▪ Kemahiran berfikir | ▪ Kemahiran kinestatik |
| ▪ Kemahiran berbahasa | ▪ Kreativiti |
| ▪ Kemahiran mengira | ▪ Kesihatan dan |
| ▪ Kemahiran belajar | kecergasan |
| ▪ Kemahiran bersosial | ▪ Amalan nilai murni |
| ▪ Kemahiran manipulatif | ▪ Sikap |

BAB 3 TAHAP PENGUASAAN DAN STANDARD PRESTASI

3.1 Pengenalan

Pelaksanaan PBD dalam KSSR dan KSSM melibatkan penentuan Tahap Penguasaan bagi setiap murid dengan merujuk kepada Standard Prestasi. Tahap Penguasaan dinyatakan secara eksplisit di dalam DSKP setiap mata pelajaran.

3.2 Tahap Penguasaan

Tahap Penguasaan dalam KSSR dan KSSM merupakan satu bentuk pernyataan pencapaian yang menunjukkan perkembangan pembelajaran murid. Terdapat enam Tahap Penguasaan yang menunjukkan aras penguasaan yang disusun secara hierarki dan digunakan untuk tujuan rujukan pencapaian murid bagi setiap mata pelajaran. Tahap penguasaan ini mengambil kira pengetahuan, kemahiran dan nilai yang ditetapkan dalam kurikulum. Taksonomi yang berkaitan kognitif, psikomotor dan afektif digunakan sebagai asas membina tahap penguasaan dalam Standard Prestasi.

Guru perlu menyelesaikan PdP bagi satu kelompok bidang, tema atau kemahiran dalam Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran sebelum menentukan tahap penguasaan murid. PdP guru berdasarkan Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran manakala Standard Prestasi merupakan indikator kepada tahap penguasaan murid.

Jadual 3.1 menunjukkan enam Tahap Penguasaan yang dicadangkan dalam DSKP. Setiap pernyataan Tahap Penguasaan ditafsir secara generik dalam mata pelajaran sebagai aras tertentu untuk memberi gambaran holistik tentang pencapaian murid. Tahap penguasaan minimum bagi semua mata pelajaran ditetapkan pada Tahap Penguasaan 3. Pada tahap ini murid boleh menggunakan pengetahuan untuk melaksanakan sesuatu kemahiran atau tugas pada sesuatu situasi. Setiap murid dibimbing dan diberi peluang untuk mencapai sekurang-kurangnya Tahap Penguasaan 3. Walau bagaimanapun, tidak semua murid berupaya mencapai tahap ini pada kadar yang sama kerana potensi individu adalah berbeza. Oleh itu, guru perlu mengambil tindakan susulan dan sentiasa berusaha untuk membantu murid meningkatkan tahap penguasaan masing-masing.

Di samping itu, guru perlu membuat perancangan untuk mengembangkan potensi semua murid bagi mencapai Tahap Penguasaan 4 hingga Tahap Penguasaan 6. Murid perlu diberi ruang dan peluang untuk menjalankan aktiviti dan meneroka pengalaman bagi membolehkan mereka mencapai tahap penguasaan yang lebih tinggi. Murid yang mencapai Tahap Penguasaan 4 hingga Tahap Penguasaan 6 boleh membantu murid lain dalam meningkatkan pembelajaran mereka, dan boleh menjadi satu teladan yang cemerlang.

Jadual 3.1: Penyataan Tahap Penguasaan

Tahap Penguasaan	Tafsiran
1	Murid tahu perkara asas atau boleh melakukan kemahiran asas atau memberi respons terhadap perkara yang asas
2	Murid menunjukkan kefahaman dengan menjelaskan sesuatu perkara yang dipelajari dalam bentuk komunikasi
3	Murid menggunakan pengetahuan untuk melaksanakan sesuatu kemahiran atau tugas pada suatu situasi
4	Murid menggunakan pengetahuan dan melaksanakan sesuatu kemahiran atau tugas iaitu mengikut prosedur atau secara analitik dan sistematik
5	Murid menggunakan pengetahuan dan melaksanakan sesuatu kemahiran atau tugas pada situasi baharu dengan mengikut prosedur atau secara analitik dan sistematik serta tekal dan bersikap positif
6	Murid berupaya menggunakan pengetahuan dan kemahiran sedia ada untuk digunakan pada situasi baharu secara analitik, sistematik, bersikap positif, kreatif dan inovatif dalam penghasilan idea baharu serta boleh dicontohi

3.3 Standard Prestasi

DSKP bagi setiap mata pelajaran mengandungi lajur Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi. Jadual 3.2 menunjukkan tafsiran umum bagi setiap Standard.

Jadual 3.2: Tafsiran Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI
Pernyataan spesifik tentang perkara yang murid patut ketahui dan boleh lakukan dalam suatu tempoh persekolahan merangkumi aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai.	Suatu penetapan kriteria atau indikator kualiti pembelajaran dan pencapaian yang boleh diukur bagi setiap standard kandungan.	Suatu set kriteria umum yang menunjukkan tahap-tahap penguasaan yang perlu murid pamerkan sebagai tanda bahawa sesuatu perkara itu telah dikuasai murid.

Setiap mata pelajaran mempunyai Standard Prestasi masing-masing berdasarkan Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran. Rajah 5, Rajah 6 dan Rajah 7 menunjukkan contoh Standard Prestasi yang dipetik daripada beberapa mata pelajaran.

PENTAKSIRAN MODUL KEMAHIRAN SENI

STANDARD PRESTASI	
TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
1	- Menunjukkan kemahiran seni visual yang terhad dalam bidang mengambar, membuat corak dan rekaan, membentuk dan membuat binaan serta mengenal kraf tradisional. - Mengajuk pic atau corak irama atau meniru pergerakan.
2	- Menunjukkan kemahiran seni visual yang minimum dalam bidang mengambar, membuat corak dan rekaan, membentuk dan membuat binaan serta mengenal kraf tradisional. - Mengajuk pic dan corak irama serta meniru pergerakan.
3	- Menunjukkan kemahiran seni visual yang sederhana dalam bidang mengambar, membuat corak dan rekaan, membentuk dan membuat binaan serta mengenal kraf tradisional. - Bernyanyi mengikut tempo atau memainkan detik lagu mengikut tempo atau melakukan pergerakan mengikut tempo berdasarkan lirik lagu.
4	- Menunjukkan kemahiran seni visual yang baik dalam bidang mengambar, membuat corak dan rekaan, membentuk dan membuat binaan serta mengenal kraf tradisional. - Bernyanyi dengan sebutan yang betul mengikut tempo atau memainkan detik dan corak irama melodi mengikut tempo atau melakukan pergerakan mengikut tempo berdasarkan detik dan lirik lagu.
5	- Menunjukkan kemahiran seni visual yang cemerlang dalam bidang mengambar, membuat corak dan rekaan, membentuk dan membuat binaan serta mengenal kraf tradisional. - Bernyanyi dengan sebutan dan pic yang betul mengikut tempo, memainkan corak irama mengikut tempo berdasarkan skor ikon dan melakukan pergerakan dengan membuat interpretasi berdasarkan muzik yang didengar.
6	- Menunjukkan kemahiran seni visual yang sangat cemerlang dalam bidang mengambar, membuat corak dan rekaan, membentuk dan membuat binaan serta mengenal kraf tradisional. - Bernyanyi dengan sebutan dan pic yang betul mengikut tempo, memainkan corak irama mengikut tempo berdasarkan skor ikon dan melakukan pergerakan dengan membuat interpretasi berdasarkan muzik yang didengar secara ekspresif.

Rajah 5: Standard Prestasi dalam DSKP KSSR (Semakan 2017) Pendidikan Kesenian Tahun 1

STANDARD PRESTASI	
TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
1	Mempamerkan pengetahuan asas tentang integer, pecahan dan perpuluhan.
2	Mempamerkan kefahaman tentang nombor nisbah.
3	Mengaplikasikan kefahaman tentang nombor nisbah untuk melaksanakan operasi asas dan gabungan operasi asas aritmetik.
4	Mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran yang sesuai tentang nombor nisbah dalam konteks penyelesaian masalah rutin yang mudah.
5	Mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran yang sesuai tentang nombor nisbah dalam konteks penyelesaian masalah rutin yang kompleks.
6	Mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran yang sesuai tentang nombor nisbah dalam konteks penyelesaian masalah bukan rutin.

Rajah 6: Standard Prestasi dalam DSKP KSSM Matematik Tingkatan 1

2.0 GEOGRAFI FIZIKAL: BENTUK MUKA BUMI DAN SALIRAN

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI		CATATAN
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN	
2.1 Bumi Sistem fizikal bumi, struktur bumi, benua, lautan, laut utama, selat dan kesan pergerakan kerak bumi.	Murid boleh: 2.1.1 Menjelaskan empat sistem fizikal bumi. 2.1.2 Menjelaskan struktur bumi. 2.1.3 Mengenal pasti benua, lautan, laut utama dan selat. 2.1.4 Membincangkan kesan pergerakan kerak bumi.	1	Menamakan sistem fizikal dan struktur bumi.	Cadangan Aktiviti - Mencari maklumat tentang empat sistem fizikal bumi, struktur bumi, pergerakan bumi yang berlaku dengan menggunakan TMK. - Membina model lapisan struktur bumi.
		2	Menjelaskan sistem fizikal dan struktur bumi.	
		3	Menerangkan stuktur bumi dan sistem fizikal bumi dengan memberi contoh tiga benua, tiga lautan, satu laut utama dan satu selat.	
		4	Menerangkan kejadian kesan pergerakan kerak bumi di benua dan lautan.	
		5	Membincangkan kesan pergerakan kerak bumi di sesuatu kawasan.	
		6	Menghasilkan karya kreatif dan menunjukkan keaslian dengan menggunakan pelbagai media berkaitan tajuk bumi.	

Rajah 7: Standard Prestasi dalam DSKP KSSM Geografi Tingkatan 1

Guru hendaklah menentukan Tahap Penguasaan murid dengan merujuk kepada Standard Prestasi yang disediakan. Guru juga digalakkan untuk merekod perkembangan murid sama ada di dalam buku rekod mengajar, buku latihan murid, buku catatan guru, buku amali murid, folio hasil kerja murid, senarai semak, jadual atau lain-lain yang bersesuaian. Perekodan Tahap Penguasaan dalam templat pelaporan hanya dibuat setelah PdP bagi setiap bidang, tema, kemahiran atau kelompok Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran selesai dilaksanakan. Pelaporan Tahap Penguasaan dimaklumkan kepada murid dan ibu bapa sebagai maklum balas terhadap tahap pembelajaran murid untuk tindakan selanjutnya.

3.4 Tahap Penguasaan Keseluruhan

Pada akhir sesi persekolahan, guru perlu menentukan Tahap Penguasaan Keseluruhan bagi sesuatu mata pelajaran. Tahap Penguasaan Keseluruhan ini merangkumi aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai. Untuk itu, guru perlu mentaksir murid secara menyeluruh dan holistik dengan melihat pelbagai aspek semasa proses pembelajaran murid secara berterusan melalui pelbagai kaedah seperti pencapaian mereka dalam ujian topikal, pemerhatian, latihan, pembentangan, respons murid secara lisan, kerja projek, produk dan sebagainya. Guru hendaklah menentukan Tahap Penguasaan Keseluruhan berdasarkan pengetahuan, pengalaman, tanggungjawab profesional dan

input murid serta perbincangan dengan rakan sejawat dalam mata pelajaran yang sama. Bab 4 membincangkan lebih lanjut tentang pertimbangan profesional.

Tahap penguasaan dilaporkan menggunakan templat pelaporan yang disediakan dalam fail *Microsoft Excel* dan boleh dicapai di portal BPK (bpk.moe.gov.my).

3.5 Templat Pelaporan PBD (Tahun 4, 5, 6 dan Tingkatan 1, 2, 3)

Templat pelaporan ini disediakan dalam fail *Microsoft Excel* dan digunakan oleh guru secara luar talian. Rajah 8 menunjukkan satu contoh templat pelaporan iaitu bagi mata pelajaran Pendidikan Islam Tingkatan 1 KSSM.

 SEKOLAH : SMK PRESINT 16(1) ALAMAT : NO 3, JALAN P16G, PRESINT 16 : 62150 W.P. PUTRAJAYA TARIKH PELAPORAN : 2/10/2017										
MATA PELAJARAN		NAMA GURU MATA PELAJARAN: HASRUDDIN BIN HASSAN		Sila tentukan peringkat pentaksiran ☒ Pentaksiran Pertengahan Tahun ☐ Pentaksiran Akhir tahun						
PENDIDIKAN ISLAM		TINGKATAN: 1 IBNU SINA								
BIL.	NAMA MURID	NO. MY KID / NO. KAD PENGENALAN	JANTINA	TAHAP PENGUASAAN BAGI SETIAP BIDANG						TAHAP PENGUASAAN KESELURUHAN
				AL-QURAN	HADIS	AKIDAH	FIQAH	SIRAH DAN TAMADUN ISLAM	AKHLAK ISLAMIAH	
1	AHMAD ADLI BIN ALI	040307-16-2521	L	5	4	5	4	4	4	5
2										
3										
4										
5										
6										
7										
8										
9										
10										

Rajah 8: Templat Pelaporan PBD bagi KSSM Pendidikan Islam Tingkatan 1

Templat pelaporan PBD terdiri daripada lima halaman (*sheet tab*) iaitu Panduan, Rekod Prestasi Murid, Laporan Murid (Individu), Data Pernyataan Tahap Penguasaan dan Graf Pelaporan.

PANDUAN PENGGUNAAN TEMPLAT	
PENTAKSIRAN BILIK DARJAH (PBD)	PEND. ISLAM TING. 1
PENGENALAN Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) adalah sebahagian daripada komponen didalam Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS). Pelaksanaannya telah bermula sejak tahun 2011 berdasarkan Surat Siaran Lembaga Peperiksaan Bil. 3 Tahun 2011. PBD sebelum ini dikenali sebagai PS (Pentaksiran Sekolah) di mana ia dilaksanakan secara formatif dan sumatif dengan pelbagai pendekatan dan kaedah bagi mengenalpasti perkembangan pembelajaran murid secara keseluruhan.	
A MAKLUMAT AM Templat Pelaporan PBD ini mengandungi 5 halaman (<i>sheet</i>) : 1. PANDUAN 2. REKOD PRESTASI MURID 3. LAPORAN MURID (INDIVIDU) 4. DATA PERNYATAAN TAHAP PENGUASAAN 5. GRAF PELAPORAN	
B PENGGUNAAN TEMPLAT Guru hendaklah melengkapkan maklumat asas pada templat ini di halaman REKOD PRESTASI MURID. Maklumat yang perlu dilengkapkan adalah: 1. Nama dan Alamat Sekolah 2. Nama Guru dan Nama Kelas 3. Senarai Nama Murid, Nombor Kad Pengenalan dan Jantina 4. Nama Pentadbir 5. Jawatan Pentadbir (Guru Besar/ Pengetua)	
C TAHAP PENGUASAAN Tahap Penguasaan murid bagi setiap komponen di dalam templat ini direkodkan untuk tujuan pelaporan.	

Rajah 9: Halaman Panduan dalam Templat Pelaporan PBD

Rajah 9 menunjukkan halaman Panduan yang mengandungi penerangan tentang templat pelaporan PBD mengikut mata pelajaran. Tata cara penggunaan templat dan penentuan Tahap Penguasaan juga diterangkan dalam halaman ini.

(vii) (iii) (i) (ii) (iv) (vi) (x)

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

SEKOLAH : SMK PRESINT 16(1)

ALAMAT : NO 3, JALAN P16G, PRESINT 16

: 62150 W.P. PUTRAJAYA

TARIKH PELAPORAN : 2/10/2017

MATA PELAJARAN PENDIDIKAN ISLAM

NAMA GURU MATA PELAJARAN: HASRUDDIN BIN HASSAN

TINGKATAN: 1 IBNU SINA

Sila tentukan peringkat pentaksiran

☒ Pentaksiran Pertengahan Tahun

☐ Pentaksiran Akhir tahun

BIL.	NAMA MURID	NO. MY KID / NO. KAD PENGENALAN	JANTINA	TAHAP PENGUASAAN BAGI SETIAP BIDANG						TAHAP PENGUASAAN KESELURUHAN
				AL-QURAN	HADIS	AKIDAH	FIQAH	SIRAH DAN TAMADUN ISLAM	AKHLAK ISLAMIAH	
1	AHMAD ADLI BIN ALI	040307-16-2521	L	5	4	5	4	4	4	5
2										
3										
4										
5										
6										
7										
8										
9										

(viii) (ix) (xi)

Rajah 10: Halaman Rekod Prestasi Murid dalam Templat Pelaporan PBD

Rajah 10 menunjukkan Halaman Rekod Prestasi Murid yang terdiri daripada maklumat sekolah seperti:

- (i) Nama dan alamat sekolah
- (ii) Tarikh pelaporan dibuat
- (iii) Nama mata pelajaran
- (iv) Nama guru
- (v) Nama kelas (Tahun/Tingkatan)
- (vi) Peringkat pentaksiran (Pertengahan Tahun/Akhir Tahun)
- (vii) Senarai nama murid
- (viii) Nombor kad pengenalan murid
- (ix) Jantina murid
- (x) Tahap Penguasaan bagi setiap bidang (bidang berbeza mengikut mata pelajaran)
- (xi) Tahap Penguasaan Keseluruhan

Semua maklumat ini telah dihubungkan **secara automatik** kepada halaman Laporan Murid (Individu) dan halaman Graf Pelaporan. Guru hanya perlu mengunci masuk nama murid, nombor kad pengenalan, jantina dan Tahap Penguasaan murid mengikut bidang atau kelompok yang ditetapkan oleh mata pelajaran masing-masing. Maklumat ini akan menjana laporan individu murid dan graf pelaporan secara automatik.

Untuk tujuan mengunci masuk nama murid, nombor kad pengenalan dan jantina, guru boleh menggunakan kaedah *copy-paste* maklumat murid dalam sistem Aplikasi Pangkalan Data Murid (APDM). Walau bagaimanapun guru bebas menggunakan kaedah lain yang difikirkan lebih baik dan sesuai dengan keadaan di sekolah mereka.



**KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA**

SMK PRESINT 16(1)
NO 3, JALAN P16G, PRESINT 16
62150 W.P. PUTRAJAYA
2 Oktober, 2017

LOGO
SEKOLAH

PENDIDIKAN ISLAM

Nama Murid	AMHAD ADLI BIN ALI
No. MY KID	848827-1E-2524
Jantina	A
Tingkatan	1 ILMU SINA
Nama Guru	HASRUDIN BIN HASSAN
Tarikh Pelajar	2 Oktober, 2017

1 AMHAD ADLI BIN ALI
▼

**Tahap Penguasaan
Kereluruhan**

PENTAKSIRAN PERTENGAHAN TAHUN

Berikut adalah
pernyataan bagi
Tahap Penguasaan
Kereluruhan

Tahap Penguasaan Kereluruhan hanya dilaporkan pada pentaksiran akhir tahun sahaja

MATA PELAJARAN	KEMAHIRAN	TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
PENDIDIKAN ISLAM	AL-QURAN	5	Membaca dan menghafaz ayat al-Quran pilihan dengan betul, lancar, bertajwid dan boleh menilai perkara araz tentang ilmu al-Quran serta mengamalkannya secara beradab.
	HADIS	4	Menqanализir perkara araz tentang ilmu Hadis.
	AKIDAH	5	Menilai tentang ilmu Akidah dan mengamalkannya secara beradab.
	FIQAH	4	Menqanализir tentang ilmu Fiqah
	SIRAH DAN TAMADUN ISLAM	4	Menqanализir tentang ilmu Sirah dan Tamadun Islam.
	AKHLAK ISLAMIAH	4	Menqanализir tentang ilmu Akhlak Islamiah.

ULASAN

TAMBAHAN (Jika ada): _____

.....

HASRUDIN BIN HASSAN
GURU MATA PELAJARAN
SMK PRESINT 16(1)

.....

PN. SALIMAH BT KAMARUDDIN
GURU DESAR
SMK PRESINT 16(1)

Rajah 11: Halaman Laporan Murid (Individu) dalam Templat Pelaporan PBD

Rajah 11 menunjukkan Laporan Murid (Individu) yang memaparkan laporan Tahap Penguasaan murid mengikut maklumat yang direkodkan oleh guru di halaman Rekod Prestasi Murid. Logo sekolah boleh dimasukkan di sebelah kanan atas halaman ini. Di bahagian bawah logo sekolah, terdapat pilihan nama murid yang membolehkan guru mencetak laporan Tahap Penguasaan murid secara individu. Tahap Penguasaan Keseluruhan hanya akan dilaporkan dalam pentaksiran akhir tahun.

Laporan ini memaparkan Tahap Penguasaan murid dan tafsiran Tahap Penguasaan tersebut, mengikut bidang atau kelompok yang ditetapkan oleh mata pelajaran. Guru juga boleh memberi ulasan tambahan jika perlu.

Laporan ini boleh dicetak dan diedarkan kepada murid dan ibu bapa bagi memaklumkan tahap penguasaan murid dalam sesuatu mata pelajaran. Laporan ini membolehkan guru, murid dan ibu bapa mengambil tindakan susulan yang sewajarnya bagi menambah baik PdP.

Rajah 12 menunjukkan halaman data pernyataan tahap penguasaan yang mengandungi maklumat berkaitan tafsiran bagi setiap tahap penguasaan.

TAHAP PENGUASAAN	Al-Quran
1	Membaca dan menghafaz ayat al- Quran pilihan dengan bimbingan serta boleh mengingat perkara asas tentang ilmu al-Quran.
2	Membaca dan menghafaz ayat al- Quran pilihan dengan betul serta boleh memahami perkara asas tentang ilmu al-Quran.
3	Membaca dan menghafaz ayat al- Quran pilihan dengan betul, lancar dan bertajwid serta boleh mengaplikasi perkara asas tentang ilmu al-Quran.
4	Membaca dan menghafaz ayat al- Quran pilihan dengan betul, lancar, bertajwid dan boleh menganalisis perkara asas tentang ilmu al-Quran serta mengamalkannya.
5	Membaca dan menghafaz ayat al- Quran pilihan dengan betul, lancar, bertajwid dan boleh menilai perkara asas tentang ilmu al-Quran serta mengamalkannya secara beradab.
6	Membaca dan menghafaz ayat al- Quran pilihan dengan betul, lancar, bertajwid dan boleh merumus perkara asas tentang ilmu al-Quran serta mengamalkannya secara beradab dan istiqamah.



TAHAP PENGUASAAN	Hadis
1	Mengingat perkara asas tentang ilmu Hadis.
2	Memahami perkara asas tentang ilmu Hadis.
3	Mengaplikasi perkara asas tentang ilmu Hadis.
4	Menganalisis perkara asas tentang ilmu Hadis.
5	Menilai perkara asas tentang ilmu Hadis dan mengamalkannya secara beradab.
6	Merumus perkara asas tentang ilmu Hadis dan mengamalkannya secara beradab dan istiqamah.

TAHAP PENGUASAAN	Akidah
1	Mengingat perkara asas tentang ilmu Akidah.
2	Murid boleh memahami tentang ilmu Akidah.
3	Mengaplikasi tentang ilmu Akidah.
4	Menganalisis tentang ilmu Akidah.
5	Menilai tentang ilmu Akidah dan mengamalkannya secara beradab.
6	Merumus tentang ilmu Akidah dan mengamalkannya secara beradab dan istiqamah.

< >
PANDUAN
REKOD PRESTASI MURID
LAPORAN MURID (INDIVIDU)
DATA PERNYATAAN TAHAP

Rajah 12: Halaman Data Pernyataan Tahap Penguasaan dalam Templat Pelaporan PBD

Tahap Penguasaan Keseluruhan dan tafsirannya juga disediakan dalam halaman ini. Maklumat ini memberi panduan kepada guru dalam menentukan tahap penguasaan bagi murid mereka.



Rajah 13: Halaman Graf Pelaporan dalam Templat Pelaporan PBD

Rajah 13 menunjukkan analisis pencapaian Tahap Penguasaan murid yang direkodkan oleh guru. Analisis ini dipamerkan dalam bentuk graf mengikut kelompok/bidang dan Tahap Penguasaan. Bilangan murid yang mencapai sesuatu tahap juga ditunjukkan dalam graf ini.

Analisis ini membantu guru mengenal pasti bilangan murid yang memerlukan tindakan susulan. Guru juga boleh merancang penambahbaikan dalam PdP pentaksiran yang seterusnya.

3.6 Templat Pelaporan PBD Kelas (Gabungan Mata Pelajaran)

Templat Pelaporan PBD Kelas (Gabungan Mata Pelajaran) dibangunkan khusus untuk membantu guru melaporkan Tahap Penguasaan PBD murid bagi semua mata pelajaran mengikut kelas. Templat pelaporan ini disediakan dalam fail *Microsoft Excel*, digunakan oleh guru secara luar talian dan boleh dicapai di portal BPK (bpk.moe.gov.my).

Templat ini mengandungi semua mata pelajaran yang diambil oleh setiap murid. Templat ini membantu guru membuat pelaporan kepada semua pihak yang berkepentingan seperti pentadbir sekolah, ibu bapa, Pejabat Pendidikan Daerah dan Jabatan Pendidikan Negeri apabila diperlukan.

Rajah 14 menunjukkan contoh Templat Pelaporan PBD Kelas (Gabungan Mata Pelajaran)

PELAPORAN PENTAKSIRAN BILIK DARJAH

NAMA MURID: AHMAD ADLI BIN ALI
KELAS: 1 ANGGERIK
JANTINA: L
PELAPORAN: PENTAKSIRAN AKHIR TAHUN
SEKOLAH: SMK PUTRAJAYA
JALAN PRESINT 16, PUTRAJAYA
WILAYAH PERSEKUTUAN, PUTRAJAYA

BIL.	MATA PELAJARAN	PENGUASAAN KESELURUHAN	PENYATAAN
1	BAHASA MELAYU	3	Murid berupaya mempamerkan tahap pengetahuan bahasa dan kecekapan berbahasa yang sederhana dan berupaya mengungkapkan idea serta menguasai kemahiran berfikir yang asas tanpa bimbingan dalam kemahiran bahasa.
2	BAHASA INGGERIS	4	Pupil works towards exceeding expectations of the curriculum target.
3	MATEMATIK	4	Murid berupaya: menggunakan secara berkesan model eksplisit bagi situasi kompleks yang konkrit, memilih dan mengintegrasikan perwakilan yang berbeza dan mengaitkan dengan situasi dunia sebenar, menggunakan kemahiran dan menaakul secara fleksibel berdasarkan kefahaman yang mendalam dan berkomunikasi dengan penerangan dan hujah berdasarkan pentafsiran, perbincangan dan tindakan.

ULASAN TAMBAHAN
(Jika ada):

EN AZMAN HALIM
NAMA GURU BESAR / PENGETUA:
SMK PUTRAJAYA

Lima halaman

PN. NUR AIDA BINTI ABD. RAHIM
NAMA GURU:
SMK PUTRAJAYA

PANDUAN | REKOD PRESTASI MURID | **LAPORAN MURID** | DATA PERNYATAAN | GRAF

Rajah 14: Templat Pelaporan PBD Kelas (Gabungan Mata Pelajaran)

Templat ini mengandungi lima halaman (*sheet tab*) iaitu Panduan, Rekod Prestasi Murid, Laporan Murid, Data Pernyataan dan Graf Pelaporan.

Halaman Panduan

Halaman ini mengandungi maklumat berkaitan panduan penggunaan Templat Pelaporan PBD Kelas (Gabungan Mata Pelajaran).

Halaman Rekod Prestasi Murid

Rajah 15 menunjukkan halaman Rekod Prestasi Murid yang mengandungi maklumat yang perlu dilengkapkan oleh guru.

Nama Sekolah
Alamat Sekolah
Pelaporan: Pentaksiran Akhir Tahun
Nama Guru
Kelas/Tingkatan

Nama Guru Besar/ Pengetua

Nama mata pelajaran
dan Tahap Penguasaan
Keseluruhan

SEKOLAH : SMK PUTRAJAYA
ALAMAT : JALAN PRESINT 16, PUTRAJAYA
: WILAYAH PERSEKUTUAN, PUTRAJAYA
PELAPORAN : PENTAKSIRAN AKHIR TAHUN
NAMA GURU: PN. NUR AIDA BINTI ABD. RAHIM
TINGKATAN: 1 ANGGERIK

NAMA GURU BESAR / PENGETUA: EN AZMAN HALIM

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA				TEMPLAT PELAPORAN PENTAKSIRAN BERKUALITI DARJAH (PBD) GABUNG :							
BIL	NAMA MURID	NO. MY KID / NO. SURAT BERANAK	JANTINA	MP 1	MP 2	MP 3	MP 4	MP 5	MP 6	MP 7	MP 8
				BAHASA MELAYU	BAHASA INGGERIS	BAHASA KOREA	MATEMATIK	SAINS	SEJARAH	PENDIDIKAN MUZIK	PENDIDIKAN SENI VISUAL
1	AHMAD, OLI BIN ALI	123456-78-9123	L	3	4	3	4	5	4	5	4
2											
3											
4											
5											
6											
7											
8											
9											
10											
11											
12											
13											

PANDUAN

REKOD PRESTASI MURID

LAPORAN MURID

DATA PERNYATAAN

GRAF PELAPORAN

+

Rajah 15: Halaman Rekod Prestasi Murid dalam Templat Pelaporan PBD Kelas

Rajah 16 menunjukkan senarai mata pelajaran di *drop down* menu yang disediakan pada setiap lajur mata pelajaran. Guru boleh menentukan mata pelajaran dengan membuat pilihan dari senarai tersebut.

9	NO. MY KID / NO. SURAT BERANAK	JANTINA	MP 1	MP 2	MP 3	MP 4	MP 5
10			BAHASA MELAYU	BAHASA INGGERIS	BAHASA ARAB		
11	111108-03-5393	L	3	4	3	BAHASA INGGERIS BAHASA KADAZANDU BAHASA MELAYU BAHASA IBAN MATEMATIK PENDIDIKAN MORAL PENDIDIKAN KESENIAN BAHASA SEMAI	
12							
13							
14							
15							
16							
17							
18							

PANDUAN
REKOD PRESTASI MURID
LAPORAN MURID
DATA PERNYATAAN
GRAF PELAPORAN

Rajah 16: Senarai Pilihan Mata Pelajaran Dalam Templat Pelaporan PBD Kelas

Selain itu, guru boleh mengubah lajur mengikut keperluan, misalnya untuk *Hide*, *Unhide* atau ubah suai lebar lajur (*width*) seperti ditunjukkan dalam Rajah 17.

LAJUR (Column):
Boleh diubah mengikut keperluan.
(Hide/Unhide/width)

MATA PELAJARAN:
Klik dan pilihan nama dari senarai yang disediakan.

MAKlumat Sekolah:
Isikan maklumat sekolah, guru kelas dan nama kelas.

MAKlumat Murid:
Lengkapkan nama, nombor kad pengenalan dan jantina murid.

TAHAP PENGUASAAN:
Masukkan TP yang berkaitan. Masukkan nilai 1 hingga 6 sahaja.

BIL.	NAMA MURID	NO. MY KID / NO. SURAT BERANAK	JANTINA	MP 1 BAHASA MELAYU SJK	MP 2 BAHASA INGGERIS	MP 3 SAINS	MP 4 MATEMATIK	MP 5	MP 6	MP 7	MP 8
1	AHMAD ADLI BIN ALI	000000-00-0005	L	1	6	3	1				
2	AHMAD ISWAZIR BIN KAMARUDDIN ALI	040206-16-2355	L	6			5				
3	ARINA ARISSA BINTI MUSA	041209-02-2384	P	4			4				
4	AZALI BIN MOHD GHAZI	040709-07-2361	L	5			5				
5	AZWAN	041207-16-2357	L	5			5				
6	CHAN	041209-16-6359	L	5	5	5	5				
7	CHONG	041208-01-8957	L	4	4	4	5				
8	DANIAL	000000-00-0001	L	5	5	5	4				
9	FARIDAH BINTI RAMLAN	041208-16-2564	P	4	3	4	4				
10	HAFIZ BIN BAHAROM	041209-16-9898	L	5	4	4	5				
11	HALIM BIN HARUN	041216-16-7867	L	5	4	4	5				
12	HARLENI BINTI ARIF	041219-16-9638	P	4	3	4	4				

Rajah 17: Lajur Boleh Diubah Mengikut Keperluan

Baris juga boleh diubah mengikut keperluan, misalnya untuk *Hide*, *Unhide* atau ubah suai tinggi baris (*height*) seperti ditunjukkan dalam Rajah 18.

BARIS (Row):
Boleh diubah mengikut keperluan.
(Hide/Unhide/height)

MATA PELAJARAN:
Klik dan pilihan nama dari senarai yang disediakan.

TAHAP PENGUASAAN:
Masukkan TP yang berkaitan. Masukkan nilai 1 hingga 6 sahaja.

BIL.	NAMA MURID	NO. MY KID / NO. SURAT BERANAK	JANTINA	MP 1 BAHASA MELAYU SJK	MP 2 BAHASA INGGERIS	MP 3 SAINS	MP 4 MATEMATIK	MP 5	MP 6	MP 7	MP 8
1	AHMAD ADLI BIN ALI	000000-00-0005	L	1	6	3	1				
2	AHMAD ISWAZIR BIN KAMARUDDIN ALI	040206-16-2355	L	6			5				
3	ARINA ARISSA BINTI MUSA	041209-02-2384	P	4			4				
4	AZALI BIN MOHD GHAZI	040709-07-2361	L	5			5				
5	AZWAN	041207-16-2357	L	5			5				
6	CHAN	041209-16-6359	L	5	5	5	5				
7	CHONG	041208-01-8957	L	4	4	4	5				
8	DANIAL	000000-00-0001	L	5	5	5	4				
9	FARIDAH BINTI RAMLAN	041208-16-2564	P	4	3	4	4				
10	HAFIZ BIN BAHAROM	041209-16-9898	L	5	4	4	5				
11	HALIM BIN HARUN	041216-16-7867	L	5	4	4	5				
12	HARLENI BINTI ARIF	041219-16-9638	P	4	3	4	4				
13	HARLINA BINTI SARIP	041219-16-9638	P	5	4	4	5				
14	SAM POH TONG	041219-16-9638	P	5	4	4	5				
15	SITI KHASNOR BINTI JAJULI	041213-08-9984	P	5	5	5	5				
16	SUHAILA ARMANI BINTI SUHAIMI	041219-03-8974	P	4	4	4	5				

Rajah 18: Baris Boleh Diubah Mengikut Keperluan

Halaman Laporan Murid

Tempatkan logo sekolah di sini

Nama Murid
 Pilihan nama murid disediakan dalam kotak (klik pada anak panah)

Baris (Row): Boleh diubah mengikut keperluan (hide/unhide/height)

Nombor: Boleh diubah mengikut turutan baharu jika baris ditutup (hide)

ULASAN TAMBAHAN
 (Jika ada):

Lajur (Column):
 Boleh diubah mengikut keperluan (hide/unhide/width)

Guru boleh memasukkan ulasan tambahan (jika berkaitan)

PH. HUR AIDA BINTI AID. RAHIM
 NAMA GURU:
 SMK PUTRAJAYA

PELAPORAN PENTAKSIRAN BILIK DARJAH			
NAMA MURID: AHMAD ADLIBIN ALI KELAS: 1ANGGERIK JANTINA: L PELAPORAN: PENTAKSIRAN AKHIR TAHUN			
SEKOLAH: SMK PUTRAJAYA JALAN PRESINT 16, PUTRAJAYA WILAYAH PERSEKUTUAN, PUTRAJAYA			
BIL.	MATA PELAJARAN	TAHAP PENGUASAAN KESELUR	PENTATAHAN
1	BAHASA MELAYU	3	Murid berupaya mempamerkan tahap pengetahuan yang cemerlang dan berupaya mengungkapkan idea berfikir yang arif tanpa bimbingan dalam kemahiran bahasa.
2	BAHASA MELAYU	3	Murid telah melebihi expectation of the curriculum target.
3	BAHASA MELAYU	3	Murid telah melaksanakan sesuatu ilmu dan kemahiran berkaitan Pendidikan
4	BAHASA MELAYU	3	Murid telah melaksanakan sesuatu ilmu dan kemahiran berkaitan Pendidikan
5	BAHASA MELAYU	3	Murid telah melaksanakan sesuatu ilmu dan kemahiran berkaitan Pendidikan
6	BAHASA MELAYU	3	Murid telah melaksanakan sesuatu ilmu dan kemahiran berkaitan Pendidikan
7	BAHASA MELAYU	3	Murid telah melaksanakan sesuatu ilmu dan kemahiran berkaitan Pendidikan
8	BAHASA MELAYU	3	Murid telah melaksanakan sesuatu ilmu dan kemahiran berkaitan Pendidikan
9	BAHASA MELAYU	3	Murid telah melaksanakan sesuatu ilmu dan kemahiran berkaitan Pendidikan
10	MORAL	3	Murid telah melaksanakan sesuatu ilmu dan kemahiran berkaitan Pendidikan
11	REKA BENTUK TEKNOLOGI	4	Menganalisis idea, bahan, komponen, prinsip dan teknik untuk menghasilkan produk.
12	PELAKSANAAN DAN PENDIDIKAN KESIHATAN	4	Murid telah melaksanakan sesuatu ilmu dan kemahiran berkaitan Pendidikan
13			
14			
15			
16			

ULASAN TAMBAHAN
 (Jika ada):

Rajah 19: Halaman Laporan Murid dalam Templat Pelaporan PBD Kelas

Laporan murid seperti dalam Rajah 19 memaparkan Tahap Penguasaan Keseluruhan yang dicapai oleh seorang murid dalam semua mata pelajaran yang diambilnya. Pernyataan untuk Tahap Penguasaan Keseluruhan yang dicapai itu dijana **secara automatik** mengikut Tahap Penguasaan dan mata pelajaran yang berkenaan.

Terdapat ruangan Ulasan Tambahan di bahagian bawah laporan ini. Ulasan Tambahan ini tidak dijana secara automatik. Ulasan Tambahan merupakan satu ruang yang disediakan untuk guru memberi ulasan atau maklum balas tertentu terhadap murid mereka, jika ada.

Halaman Data Pernyataan


Halaman ini terdiri daripada pernyataan Tahap Penguasaan Keseluruhan (dari Tahap Penguasaan 1 hingga 6) bagi semua mata pelajaran. Rajah 20 menunjukkan sebahagian dari halaman ini.

DATA PERNYATAAN STANDARD PRESTASI		
TAHAP PENGUASAAN	Al-Quran	
1	Membaca dan menghafaz ayat al- Quran pilihan dengan bimbingan serta boleh mengingat perkara asas tentang ilmu al- Quran.	
2	Membaca dan menghafaz ayat al- Quran pilihan dengan betul serta boleh memahami perkara asas tentang ilmu al- Quran.	
3	Membaca dan menghafaz ayat al- Quran pilihan dengan betul, lancar dan bertajwid serta boleh mengaplikasi perkara asas tentang ilmu al- Quran.	
4	Membaca dan menghafaz ayat al- Quran pilihan dengan betul, lancar, bertajwid dan boleh menganalisis perkara asas tentang ilmu al- Quran serta mengamalkannya.	
5	Membaca dan menghafaz ayat al- Quran pilihan dengan betul, lancar, bertajwid dan boleh menilai perkara asas tentang ilmu al- Quran serta mengamalkannya secara beradab.	
6	Membaca dan menghafaz ayat al- Quran pilihan dengan betul, lancar, bertajwid dan boleh merumus perkara asas tentang ilmu al- Quran serta mengamalkannya secara beradab dan istiqamah.	
TAHAP PENGUASAAN	Hadis	
1	Mengingat perkara asas tentang ilmu Hadis.	
2	Memahami perkara asas tentang ilmu Hadis.	
3	Mengaplikasi perkara asas tentang ilmu Hadis.	
4	Menganalisis perkara asas tentang ilmu Hadis.	
5	Menilai perkara asas tentang ilmu Hadis dan mengamalkannya secara beradab.	
6	Merumus perkara asas tentang ilmu Hadis dan mengamalkannya secara beradab dan istiqamah.	

Rajah 20: Halaman Data Pernyataan Tahap Penguasaan dalam Templat Pelaporan PBD Kelas

Pernyataan ini menjadi rujukan guru dan telah dipautkan secara automatik dengan halaman Laporan Murid.

Graf Pelaporan



Rajah 21: Halaman Graf Pelaporan dalam Templat Pelaporan PBD Kelas

Rajah 21 memaparkan graf analisis Tahap Penguasaan Keseluruhan murid di dalam kelas tersebut mengikut mata pelajaran. Analisis ini memberi maklumat tentang pencapaian atau penguasaan murid kelas berkenaan dalam semua mata pelajaran. Ini membantu guru merancang tindakan susulan yang bersesuaian.

3.7 Templat Pelaporan PBD Tahap 1

Templat pelaporan ini disediakan dalam fail *Microsoft Excel* untuk kegunaan semua guru mata pelajaran serta guru kelas Tahap 1. Templat ini digunakan oleh guru secara luar talian. Rajah 22 di bawah menunjukkan satu contoh templat pelaporan Tahap 1 mulai 2019.

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA					SEKOLAH : SK TAMAN PERMAI SATU ALAMAT : JALAN PERMAI 1 : 47300 PETALING JAYA, SELANGOR PELAPORAN : PENTAKSIRAN PERTENGAHAN TAHUN TARIKH PELAPORAN : 21/6/2019 NAMA GURU : EN. AZHAR BIN HARUN KELAS : 1 ANGGERIK NAMA GURU BESAR : PUAN ROSMINI BT RAMLI			TEMPLAT PELAPORAN PENTAKSIRAN BILIK DARJAH		
					MP 1					
BIL	NAMA MURID	NAMA RINGKAS (RUJUKAN GURU)	NO. MY KID / NO. SURAT BERANAK	JANTINA	ULASAN GURU KELAS	BAHASA MELAYU	ULASAN GURU MATA PELAJARAN (Jika perlu)	BAHASA INGGERIS		
1	ADU AMRAN BIN HASHIM	ADU	123456-78-9012	L	Adi merupakan seorang murid yang suka belajar, aktif dan rajin dalam pembelajarannya. Dia selalu bertanya dalam perkara yang kurang difahami dalam pembelajarannya. Dia boleh berkomunikasi dengan baik dan bekerjasama dengan rakan-rakannya. Dia seorang ketua kumpulan yang bertanggungjawab, rela membantu guru dan rakan kumpulan.	4	Adi menunjukkan minat dalam aktiviti bercarta. Dia seorang murid yang cerna dan suka bertanya soalan semasa belajar bahasa Melayu. Dia juga selalu memimpin rakan kumpulan menjalankan aktiviti projek mudah.	4		
2	MURID 2									
3	MURID 3									
4	MURID 4									
5	MURID 5									
6	MURID 6									
7	MURID 7									
8	MURID 8									
9	MURID 9									
10	MURID 10									
11	MURID 11									
12	MURID 12									

Rajah 22: Templat Pelaporan PBD Tahap 1 mulai 2019

Templat pelaporan PBD Tahap 1 terdiri daripada 26 halaman (*sheet tab*) iaitu Panduan, Rekod Prestasi Murid, Laporan Murid, Laporan Mata Pelajaran, Tahap Penguasaan (TP) Pertengahan (Tengah) Tahun, Tahap Penguasaan Akhir Tahun dan Pelbagai Mata pelajaran serta Graf Pelaporan.

Halaman Panduan

Rajah 23 menunjukkan Halaman Panduan yang mengandungi penerangan tentang cara penggunaan templat pelaporan oleh guru kelas dan guru mata pelajaran. Ini termasuk tatacara mengisi maklumat asas murid seperti cara mengedit tafsiran penguasaan Pertengahan (Tengah) tahun, menentukan Tahap Penguasaan, menulis ulasan bagi guru kelas dan guru mata pelajaran serta penyimpanan dan pencetakan laporan murid.

PANDUAN PENGGUNAAN TEMPLAT	
PENTAKSIRAN BILIK DARJAH (PBD)	TEMPLAT GURU KELAS
PENGENALAN Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) adalah sebahagian daripada komponen didalam Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS). Pelaksanaannya telah bermula sejak tahun 2011 berdasarkan Surat Siaran Lembaga Peperiksaan Bil. 3 Tahun 2011. PBD sebelum ini dikenali sebagai PS (Pentaksiran Sekolah) di mana ia dilaksanakan secara formatif dan sumatif dengan pelbagai pendekatan dan kaedah bagi mengenalpasti perkembangan pembelajaran murid secara keseluruhan.	
A MAKLUMAT AM Templat Pelaporan PBD Tahap 1 bagi Guru Kelas mengandungi beberapa <i>Worksheet/Tab</i> : 1. PANDUAN 2. REKOD PRESTASI MURID 3. LAPORAN MURID 4. LAPORAN MATA PELAJARAN 5. TEMPLAT PEREKODAN SEMUA MATA PELAJARAN (18) DI TAHAP 1 [TAHUN 1/2/3] 6. TAFSIRAN TP TENGAH TAHUN 7. TAFSIRAN TP AKHIR TAHUN 8. GRAF PELAPORAN	
B PENGGUNAAN TEMPLAT Guru hendaklah melengkapkan maklumat asas pada templat ini di halaman REKOD PRESTASI MURID. Maklumat yang perlu dilengkapkan adalah: 1. Nama dan Alamat Sekolah 2. Nama Guru dan Nama Kelas 3. Senarai Nama Murid, Nombor Kad Pengenalan dan Jantina 4. Nama Pentaksir	
PANDUAN REKOD PRESTASI MURID LAPORAN MURID LAPORAN MATA PELAJARAN TP TGH TAHUN	

Rajah 23: Halaman Panduan dalam Templat Pelaporan PBD Tahap 1

Halaman Rekod Prestasi Murid

The form is titled 'Halaman Rekod Prestasi Murid' and is part of the 'PANDUAN' (Guidance) section. It contains the following fields and annotations:

- (i) SEKOLAH: SK TAMAN PERMAI SATU
- (ii) ALAMAT: JALAN PERMAI 1
- (iii) : 47300 PETALING JAYA, SELANGOR
- (iv) PELAPORAN: PENTAKSIRAN PERTENGAHAN TAHUN
- (v) TARIKH PELAPORAN: 21/6/2019
- (vi) NAMA GURU: EN. AZHAR BIN HARUN
- (vii) KELAS: 1 ANGGERIK
- (viii) NAMA GURU BESAR: PUAN ROSMINI BT RAMLI
- (ix) BIL
- (x) NAMA MURID
- (xi) NAMA RINGKAS (RUJUKAN GURU)
- (xii) NO. MY KID / NO. SURAT BERANAK
- (xiii) JANTINA
- ULASAN GURU KELAS
- BAHASA MELAYU

The form also includes a table for student performance records with columns for Bil, Nama Murid, Nama Ringkas, No. My Kid / No. Surat Beranak, Jantina, and Ulasan Guru Kelas. The table is currently empty, with the first row showing a student named ADLI AMRAN BIN HASHIM.

Rajah 24: Halaman Rekod Prestasi Murid dalam Templat Pelaporan PBD Tahap 1

Rajah 24 menunjukkan halaman Rekod Prestasi Murid yang mengandungi maklumat yang perlu dilengkapkan oleh guru seperti berikut:

- (i) Nama dan alamat sekolah
- (ii) Pelaporan (Pertengahan Tahun/Akhir Tahun)
- (iii) Tarikh Pelaporan
- (iv) Nama guru
- (v) Kelas
- (vi) Nama Guru Besar
- (vii) Senarai nama murid
- (viii) Nama Ringkas (Rujukan Guru)
- (ix) Nombor MyKID/Surat Beranak murid
- (x) Jantina murid
- (xi) **Ulasan Guru Kelas (Ulasan Guru Kelas adalah wajib dan boleh ditulis dalam bahasa yang bersesuaian dengan keperluan ibu bapa)**

- (xii) Tahap Penguasaan Keseluruhan Mata pelajaran (*Captured* dari Templat Mata pelajaran)
- (xiii) **Ulasan Mata pelajaran (*Captured* dari Templat Mata pelajaran)**

Semua maklumat asas murid dalam halaman Rekod Prestasi Murid telah dihubungkan secara automatik kepada halaman Laporan Murid, Laporan Mata Pelajaran, Mata Pelajaran dan halaman Graf Pelaporan. Guru mata pelajaran hanya perlu mengunci masuk Tahap Penguasaan murid mengikut bidang atau kelompok yang ditetapkan oleh mata pelajaran masing-masing. Tahap Penguasaan Keseluruhan pada pertengahan tahun dapat dilaporkan dengan mengubahsuai pernyataan (Tafsiran Penguasaan Pertengahan (Tengah) Tahun) sebelum menetapkan tahap penguasaan murid berdasarkan topik atau skop yang telah diajar. Maklumat asas murid dijana dalam Laporan Murid, Laporan Mata Pelajaran dan Graf Pelaporan secara automatik.

Untuk tujuan mengunci masuk nama murid, nombor MyKID/Surat Beranak dan jantina, guru boleh menggunakan kaedah *copy-paste* maklumat murid dalam sistem Aplikasi Pangkalan Data Murid (APDM). Walau bagaimanapun guru boleh menggunakan kaedah lain yang difikirkan lebih baik dan sesuai dengan keadaan di sekolah mereka.

Halaman Laporan Murid

PELAPORAN PENTAKSIRAN BILIK DARJAH

NAMA MURID : ADLI AMRAN BIN HASHIM
 KELAS : 1 ANGERIK
 JANTINA: L
 PELAPORAN: PENTAKSIRAN PERTENGAHAN TAHUN
 SEKOLAH : SK TAMAN PERMAI 1
 47300 PETALING JAYA, SELANGOR
 TARIKH: 21/6/2019

Simpan Semua Laporan (PDF)
 Cetak Semua Laporan Muriid
 Cetak/Simpan PDF 1 Rekod

ADLI AMRAN BIN HASHIM

Pilihan Bahasa / Language
☒ Bahasa Melayu ☐ Bahasa Cina ☐ Bahasa Tamil

MATA PELAJARAN	TAHAP PENGUSAHAN	PENYATAAN
BAHASA MELAYU	TP 3	Adli mencapai pengetahuan dan kemahiran bahasa yang memuaskan. Dia dapat memberi maklum balas terhadap ayat tunggal semasa mendengar, membaca ayat dengan sebutan yang betul dan memahami maklumat yang dibaca di samping menulis ayat dalam karangan serta mengedit penulisan tanpa bimbingan guru. <u>Adli menunjukkan minat dalam aktiviti bercerita. Dia seorang murid yang ceria dan suka bertanya soalan semasa belajar bahasa Melayu. Dia juga selalu memimpin rakan kumpulan menjalankan aktiviti projek mudah.</u>
BAHASA INGGERIS	TP 4	Adli : • can read and understand simple words and very simple phrases with little guidance. (boleh membaca dan memahami perkataan dan frasa ringkas dengan sokongan visual serta sedikit bimbingan daripada guru). • can use these simple words and very simple phrases in speaking and writing with little guidance. (boleh bertutur dan menulis dengan menggunakan perkataan dan frasa ringkas dengan sedikit bimbingan guru). <u>Adli shows responsibility in his behaviour in class. He works well with his classmates. Adli also shows interest in other activities such as storytelling and language games. However, he needs more support in writing activities.</u>

PANDUAN REKOD PRESTASI MURID **LAPORAN MURID** LAPORAN MATA PELAJARAN TP TGH TAHUN (BM) TP AKHIR TAHUN

Rajah 25: Halaman Laporan Murid dalam Templat Pelaporan PBD Tahap 1

Rajah 25 menunjukkan Laporan Murid yang memaparkan maklumat yang direkodkan oleh guru di halaman Rekod Prestasi Murid. Di bahagian atas kanan, terdapat pilihan nama murid yang membolehkan guru memilih laporan murid yang hendak disimpan/ dicetak. Selain itu, guru boleh menggunakan butang “Pilihan Bahasa” untuk menjana pelaporan yang sesuai untuk keperluan ibu bapa.

Laporan ini memaparkan Tahap Penguasaan Keseluruhan murid dan tafsiran Tahap Penguasaan bagi mata pelajaran yang berkenaan mengikut bidang atau kelompok yang ditetapkan oleh mata pelajaran. Guru mata pelajaran boleh memberi ulasan tambahan dari segi usaha, nilai, kebolehan murid serta cara menambahbaik pembelajaran mata pelajaran tersebut supaya pelaporan bersifat lebih menyeluruh. Guru kelas perlu memberi ulasan terhadap perkembangan pembelajaran, potensi, sahsiah dan nilai serta kemajuan murid secara keseluruhan. Laporan ini boleh dicetak dan diedarkan kepada murid dan ibu bapa bagi memaklumkan pencapaian murid tersebut dalam pembelajaran. Laporan ini membolehkan guru, murid dan ibu bapa mengambil tindakan susulan yang sewajarnya ke arah kemenjadian murid.

Halaman Tafsiran TP Keseluruhan Pertengahan (Tengah) Tahun

Rajah 26 menunjukkan halaman Tafsiran TP Keseluruhan Pertengahan (Tengah) Tahun yang mengandungi pernyataan tafsiran bagi setiap mata pelajaran.

BIL.	MATA PELAJARAN	PENYATAAN TAHAP PENGUSAHAAN KESELURUHAN		
		1	2	3
1	BAHASA MELAYU	mencapai pengetahuan dan kemahiran bahasa yang sangat terhad. Dia dapat memberi maklum balas terhadap ayat tunggal semasa mendengar, membaca ayat dengan sebutan yang betul dan memahami maklumat yang dibaca di samping menulis ayat mudah dalam karangan dengan banyak bimbingan guru.	mencapai pengetahuan dan kemahiran bahasa yang terhad. Dia dapat memberi maklum balas terhadap ayat tunggal semasa mendengar, membaca ayat dengan sebutan yang betul dan memahami maklumat yang dibaca di samping menulis ayat mudah dalam karangan dengan sedikit bimbingan guru.	mencapai pengetahuan dan kemahiran bahasa yang memuaskan. Dia dapat memberi maklum balas terhadap ayat tunggal semasa mendengar, membaca ayat dengan sebutan yang betul dan memahami maklumat yang dibaca di samping menulis ayat dalam karangan serta mengedit penulisan tanpa bimbingan guru.
2	BAHASA INGGERIS	- can hardly read and understand basic English words with full guidance. (masih memerlukan bimbingan guru sepenuhnya untuk membaca dan memahami perkataan mudah dalam bahasa Inggeris). - can copy the words they see and repeat the words they hear. (boleh menyalin perkataan dilihat dan mengulangi kata-kata didengar).	- can read and understand simple words with visual support and full guidance (boleh membaca dan memahami perkataan mudah dengan sokongan visual dan bimbingan guru secara berterusan). - can copy words and simple phrases, as well as repeat them slowly and clearly. (Boleh menyalin perkataan dan frasa ringkas yang dilihat serta mengulangi kata-kata yang didengar dengan perlahan dan jelas).	- can read and understand simple words and very simple phrases with visual support and some guidance. (boleh membaca dan memahami perkataan dan frasa ringkas dengan sokongan visual serta sedikit bimbingan guru). - can use simple words and very simple phrases in speaking and writing with visual support and some guidance. (boleh bertutur dan menulis dengan menggunakan perkataan dan frasa ringkas dengan sokongan visual serta sedikit bimbingan guru).
3	BAHASA ARAB	mengetahui kemahiran asas bahasa Arab yang sangat terhad dan mempraktikkannya dengan bimbingan guru meliputi: - Huruf Hijaiyyah (ﺍ-ﻯ) dalam perkataan yang mempunyai pelbagai baris. - Perkataan-perkataan pelbagai baris yang terdiri daripada bacaan pendek dan panjang, tanda mati dan sabdu. - Kata-kata sapaan dalam bahasa Arab. - Nombor dan Bilangan dari 1-10.	mengetahui kemahiran asas bahasa Arab yang terhad dan mempraktikkannya tanpa bimbingan guru meliputi: - Huruf Hijaiyyah (ﺍ-ﻯ) dalam perkataan yang mempunyai pelbagai baris. - Perkataan-perkataan pelbagai baris yang terdiri daripada bacaan pendek dan panjang, tanda mati dan sabdu. - Kata-kata sapaan dalam bahasa Arab. - Nombor dan Bilangan dari 1-10.	mempraktikkan kemahiran asas bahasa Arab secara konsisten meliputi: - Huruf Hijaiyyah (ﺍ-ﻯ) dalam perkataan yang mempunyai pelbagai baris. - Perkataan-perkataan pelbagai baris yang terdiri daripada bacaan pendek dan panjang, tanda mati dan sabdu. - Kata-kata sapaan dalam bahasa Arab. - Nombor dan Bilangan dari 1-10.
4	BAHASA CINA SIKC	的语文能力非常有限，学习能力有待提高，他只能认识和理解少量的字句，需要充分引导才能进行一般的口语交际。 (Murid mencapai kemahiran dan pengetahuan bahasa dengan sangat terhad. Murid mengenali sebilangan kecil perkataan dan frasa yang dipelajari serta memerlukan banyak bimbingan untuk berkomunikasi secara lisan.)	的语文能力有限，学习表现尚须改进，才能达到学习标准的要求，他所认识的字句尚不足应付实际需要，表达时会词不达意，需要一些引导才能进行一般的口语交际。 (Murid mencapai kemahiran dan pengetahuan bahasa dengan terhad. Murid mengenali sebahagian perkataan dan frasa yang dipelajari dan masih belum cukup untuk diaplikasikan dalam situasi yang sebenar. Murid memerlukan bimbingan untuk berkomunikasi secara lisan.)	掌握基本的语文能力，学习表现处在基础的阶段，能初步应付实际需要，他掌握一些常用的字句，能进行一般的口语交际，并能用简单的词语写句子。 (Murid mencapai kemahiran dan pengetahuan bahasa yang memuaskan. Murid menguasai perkataan dan frasa yang lazim digunakan dan berupaya mengaplikasikannya dalam situasi yang sebenar. Murid dapat berkomunikasi se bertulis dengan menggunakan ayat yang mudah.)

Rajah 26: Halaman Tafsiran TP Pertengahan (Tengah) Tahun dalam Templat Pelaporan PBD Tahap 1

TP keseluruhan bagi pertengahan tahun yang disediakan dalam halaman ini dapat diedit berdasarkan topik atau skop yang telah diajar oleh guru mata pelajaran. Pernyataan TP yang boleh diubahsuai dapat memberi gambaran yang lebih jelas dan tepat kepada ibubapa tentang sejauh mana isi kandungan yang telah dipelajari oleh murid dan membolehkan guru mata pelajaran menentukan TP murid dengan lebih tepat pada pertengahan tahun. Pernyataan TP tersebut akan bertukar mengikut bahasa yang dipilih oleh guru dalam menjana pelaporan murid.

Halaman Tafsiran TP Keseluruhan Akhir Tahun


Rajah 27 menunjukkan halaman Tafsiran TP Keseluruhan Akhir Tahun yang mengandungi pernyataan tafsiran keseluruhan bagi setiap mata pelajaran untuk akhir tahun.

III. MATA PELAJARAN	PENYATAAN TAHAP PENGUASAAN KESELURUHAN			
	1	2	3	4
1 BAHASA MELAYU	mencapai pengetahuan dan kemahiran bahasa yang sangat terhad. Dia dapat memberi maklum balas terhadap ayat tunggal semasa mendengar, membaca ayat dengan sebutan yang betul dan memahami maklumat yang dibaca di samping menulis ayat mudah dalam karangan dengan banyak bimbingan guru.	mencapai pengetahuan dan kemahiran bahasa yang terhad. Dia dapat memberi maklum balas terhadap ayat tunggal semasa mendengar, membaca ayat dengan sebutan yang betul dan memahami maklumat yang dibaca di samping menulis ayat mudah dalam karangan dengan sedikit bimbingan guru.	mencapai pengetahuan dan kemahiran bahasa yang memuaskan. Dia dapat memberi maklum balas terhadap ayat tunggal semasa mendengar, membaca ayat dengan sebutan yang betul dan memahami maklumat yang dibaca di samping menulis ayat dalam karangan serta mengedit penulisan tanpa bimbingan guru.	mencapai pengetahuan dan kemahiran bahasa yang memuaskan. Dia dapat memberi maklum balas terhadap ayat tunggal semasa mendengar, membaca ayat dengan sebutan yang betul dan memahami maklumat yang dibaca di samping menulis ayat dalam karangan serta mengedit penulisan tanpa bimbingan guru.
2 BAHASA INGGERIS	- can hardly read and understand basic English words with full guidance. (masih memerlukan bimbingan guru sepenuhnya untuk membaca dan memahami perkataan mudah dalam bahasa Inggeris). - can copy the words they see and repeat the words they hear. (boleh menyalin perkataan dilihat dan mengulangi kata-kata didengar).	- can read and understand simple words with visual support and full guidance (boleh membaca dan memahami perkataan mudah dengan sokongan visual dan bimbingan guru secara berterusan). - can copy words and simple phrases, as well as repeat them slowly and clearly. (Boleh menyalin perkataan dan frasa ringkas yang dilihat serta mengulangi kata-kata yang didengar dengan perlahan dan jelas).	- can read and understand simple words and very simple phrases with visual support and some guidance. (boleh membaca dan memahami perkataan dan frasa ringkas dengan sokongan visual serta sedikit bimbingan guru). - can use simple words and very simple phrases in speaking and writing with visual support and some guidance. (boleh bertutur dan menulis dengan menggunakan perkataan dan frasa ringkas dengan sokongan visual serta sedikit bimbingan guru).	- can read and understand simple words and very simple phrases with little guidance. (boleh membaca dan memahami perkataan dan frasa ringkas dengan sokongan visual serta sedikit bimbingan guru). - can use these simple words and phrases in speaking and writing with little guidance. (boleh bertutur dan menulis dengan menggunakan perkataan dan frasa ringkas dengan sokongan visual serta sedikit bimbingan guru).
3 BAHASA ARAB	mengetahui kemahiran asas bahasa Arab yang sangat terhad dan mempraktikkannya dengan bimbingan guru meliputi: - Huruf Hijaiyyah (a-i) dalam perkataan yang mempunyai pelbagai baris. - Perkataan-perkataan pelbagai baris yang terdiri daripada bacaan pendek dan panjang, tanda mati dan sabdu. - Kata-kata sapaan dalam bahasa Arab. - Nombor dan Bilangan dari 1-10.	mengetahui kemahiran asas bahasa Arab yang terhad dan mempraktikkannya tanpa bimbingan guru meliputi: - Huruf Hijaiyyah (a-i) dalam perkataan yang mempunyai pelbagai baris. - Perkataan-perkataan pelbagai baris yang terdiri daripada bacaan pendek dan panjang, tanda mati dan sabdu. - Kata-kata sapaan dalam bahasa Arab. - Nombor dan Bilangan dari 1-10.	mempraktikkan kemahiran asas bahasa Arab secara konsisten meliputi: - Huruf Hijaiyyah (a-i) dalam perkataan yang mempunyai pelbagai baris. - Perkataan-perkataan pelbagai baris yang terdiri daripada bacaan pendek dan panjang, tanda mati dan sabdu. - Kata-kata sapaan dalam bahasa Arab. - Nombor dan Bilangan dari 1-10.	mempraktikkan kemahiran asas bahasa Arab secara konsisten meliputi: - Huruf Hijaiyyah (a-i) dalam perkataan yang mempunyai pelbagai baris. - Perkataan-perkataan pelbagai baris yang terdiri daripada bacaan pendek dan panjang, tanda mati dan sabdu. - Kata-kata sapaan dalam bahasa Arab. - Nombor dan Bilangan dari 1-10.
4 BAHASA CINA SJK	的语文能力非常有限，学习能力有待启发，他只能认识和理解少量的字，需要充分引导才能进行一般的口语交际。 (Murid mencapai kemahiran dan pengetahuan bahasa dengan sangat terhad. Murid mengenali sebilangan kecil perkataan dan frasa yang dipelajari serta memerlukan banyak bimbingan untuk berkomunikasi secara lisan.)	的语文能力有限，学习表现尚须改进，才能达到学习标准的要求，他所认识的字尚不足应付实际需要，表达时会词不达意，需要一些引导才能进行一般的口语交际。 (Murid mencapai kemahiran dan pengetahuan bahasa dengan terhad. Murid mengenali sebahagian perkataan dan frasa yang dipelajari dan masih belum cukup untuk diaplikasikan dalam situasi yang sebenar. Murid memerlukan bimbingan untuk berkomunikasi secara lisan.)	掌握基本的语文能力，学习表现处在基础阶段，能初步应付实际需要，他掌握一些常用的字，能进行一般的口语交际，并能用简单的词语写句子。 (Murid mencapai kemahiran dan pengetahuan bahasa yang memuaskan. Murid menguasai perkataan dan frasa yang lazim digunakan dan berupaya mengaplikasikannya dalam situasi yang sebenar. Murid dapat berkomunikasi serta bertulis dengan bimbingan guru.)	的语文能力中观，学习表现良好，能进行一般的口语交际，并能用简单的词语写句子。 (Murid mencapai kemahiran dan pengetahuan bahasa yang memuaskan. Murid menguasai perkataan dan frasa yang lazim digunakan dan berupaya mengaplikasikannya dalam situasi yang sebenar. Murid dapat berkomunikasi serta bertulis dengan bimbingan guru.)

Rajah 27: Halaman Tafsiran TP Akhir Tahun dalam Templat Pelaporan PBD Tahap 1

Halaman Graf Pelaporan dalam Templat Pelaporan PBD Tahap 1

Rajah 28 menunjukkan analisis pencapaian TP murid yang direkodkan oleh guru mengikut mata pelajaran masing-masing. Analisis ini memberi maklumat tentang pencapaian atau penguasaan murid kelas berkenaan dalam semua mata pelajaran. Ini membantu guru merancang tindakan susulan yang bersesuaian.



Rajah 28: Halaman Graf Pelaporan Dalam Templat Pelaporan PBD Tahap 1

BAB 4 PERTIMBANGAN PROFESIONAL

4.1 Maksud Pertimbangan Profesional

Pertimbangan profesional ialah pertimbangan yang dibuat menggunakan pengetahuan profesional terhadap kurikulum yang dihasratkan mencakupi pengetahuan, kemahiran, nilai, bukti pencapaian, strategi pengajaran, kaedah pentaksiran, serta kriteria dan standard yang ditetapkan. Pertimbangan profesional memerlukan guru membuat keputusan secara beretika dan bertanggungjawab mengenai tahap penguasaan murid, berdasarkan analisis dan rumusan maklumat terhadap pembelajaran.

Guru menggunakan pengetahuan, pengalaman, input murid dan mengamalkan tanggungjawab profesional dalam membuat pertimbangan profesional. Guru juga perlu sentiasa mengikuti perkembangan tentang bidang atau disiplin ilmu, pedagogi serta pentaksiran melalui pembacaan dan perbincangan secara profesional dengan rakan pendidik lain untuk meningkatkan kompetensi dalam membuat pertimbangan profesional.



Rajah 29: Elemen Pertimbangan Profesional

Elemen dalam melaksanakan pertimbangan profesional seperti ditunjukkan dalam Rajah 29 adalah seperti berikut:

(a) Pengetahuan

Guru perlu berpengetahuan luas dalam mata pelajaran yang diajar meliputi ilmu, kandungan, strategi pengajaran serta berkebolehan mentaksir murid (dengan pelbagai kaedah pentaksiran) secara adil, telus dan konsisten.

(b) Tanggungjawab profesional

Guru melaksanakan pentaksiran secara bertanggungjawab dan beretika berdasarkan pengetahuan, input murid serta pengalaman yang ada dengan cekap, adil, telus, sistematik dan holistik.

(c) Input murid

Guru menganalisis dan membuat pertimbangan berdasarkan pemerhatian, perbincangan dua hala, soal jawab, lembaran kerja murid, buku log, portfolio, jurnal harian, kuiz, esei, puisi, slaid pembentangan, hasil projek dan lain-lain yang bersesuaian. Guru juga membuat pertimbangan berdasarkan prestasi murid dalam aktiviti PdP, ujian atau latihan yang diberikan.

(d) Pengalaman

Guru menggunakan pengalaman mengajar dalam interaksi dengan murid. Berdasarkan pengalaman, guru dapat mengenal pasti kekuatan dan potensi murid. Walau bagaimanapun, guru harus mentaksir murid secara profesional.

4.2 Melaksanakan Pertimbangan Profesional

Pertimbangan profesional merupakan satu proses yang berterusan sepanjang proses PdP. Guru dapat melakukan pertimbangan profesional berdasarkan kekerapan pemerhatian dan interaksi dengan murid pada satu tempoh yang sesuai.

Walaupun bagaimanapun, untuk suatu pertimbangan yang boleh dipercayai, seorang murid harus diberi peluang yang mencukupi bagi menunjukkan apa yang telah dipelajari. Ini bermakna guru harus mengumpul hasil kerja murid yang secukupnya serta melakukan pemerhatian untuk mendapat gambaran yang menyeluruh bagi membantunya membuat pertimbangan terhadap seseorang murid. Ini membolehkan guru membuat justifikasi tentang pertimbangan yang telah dilakukan.

Terdapat perkara lain yang perlu diambil kira dalam melaksanakan pertimbangan profesional yang berkaitan dengan elemen yang ditunjukkan dalam Rajah 22. Perkara tersebut adalah seperti berikut:

(a) Hasrat kurikulum

Guru perlu memahami objektif kurikulum yang terkandung dalam DSKP mata pelajaran yang terlibat. Kurikulum semua mata pelajaran terdiri daripada pengetahuan, kemahiran dan nilai. Bagi menentukan tahap penguasaan murid, guru hendaklah memahami hasrat KSSR/KSSM dan juga memahami Standard Kandungan, Standard Pembelajaran serta Standard Prestasi mata pelajaran masing-masing.

(b) Tujuan pentaksiran

Guru perlu menentukan tujuan pentaksiran, mengenal pasti aspek pembelajaran yang perlu ditaksir berdasarkan Standard Prestasi bagi setiap kelompok Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran.

(c) Kaedah pentaksiran

Guru perlu menggunakan pelbagai kaedah pentaksiran meliputi pemerhatian, lisan dan penulisan melalui pelaksanaan PdP dalam bilik darjah. Guru perlu meningkatkan kemahiran membuat pertimbangan dan memberi justifikasi terhadap setiap murid serta sentiasa merekodkan perkembangan pembelajaran murid. Hasil kerja murid merupakan salah satu bukti perkembangan pembelajaran murid.

(d) Suasana Pentaksiran

Guru perlu mewujudkan suasana yang menyeronokkan, tanpa tekanan dan bersahaja dalam persekitaran bilik darjah agar interaksi antara guru dan murid, murid dan murid, serta murid dan bahan pembelajaran menjadi lebih bermakna. Pentaksiran bilik darjah seharusnya berlaku secara autentik dalam situasi PdP dan tidak dalam situasi yang terlalu formal seperti dalam dewan peperiksaan.

(e) Amanah

Guru seharusnya bersikap terbuka dan profesional dalam membuat pertimbangan serta memberi justifikasi terhadap perkembangan dan penguasaan pembelajaran murid. Sikap terbuka dan profesional ini mencerminkan sikap amanah serta memupuk keyakinan pentadbir, guru, murid dan ibu bapa terhadap pertimbangan profesional yang dilakukan.

(f) Peluang

Guru perlu memberi peluang yang adil dan masa yang secukupnya kepada murid untuk menunjukkan apa yang telah dipelajari, termasuklah mempelbagaikan sumber, aktiviti dan kaedah pentaksiran supaya murid

mendapat ruang serta peluang untuk mempamerkan keupayaan mereka dalam melaksanakan pelbagai bentuk tugas. Tidak semua murid berkembang pada kadar yang sama. Terdapat faktor-faktor lain yang mungkin mempengaruhi perkembangan murid seperti faktor latar belakang keluarga, kelengkapan prasarana dalam bilik darjah atau sekolah, dan lain-lain.

4.3 Moderasi

Moderasi adalah proses penetapan aspek atau kriteria dalam pentaksiran. Dalam proses moderasi, guru berkongsi pengalaman, pengetahuan, pemahaman kurikulum (Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi), strategi pengajaran serta pentaksiran bagi melaksanakan pertimbangan profesional. Proses ini melibatkan membuat keputusan yang konsisten di dalam mentaksir tahap penguasaan murid. Moderasi dilaksanakan oleh guru mata pelajaran yang sama atau dalam Panitia yang sama. Moderasi penting bagi mengurangkan jurang pertimbangan profesional antara seorang guru dengan guru yang lain. Moderasi juga adalah untuk memastikan kesahan dan kesaksamaan dalam pertimbangan profesional dan pentaksiran yang dilakukan.

Tujuan moderasi:

- Memastikan pertimbangan yang dibuat adil, konsisten, sah dan boleh dipercayai
- Meningkatkan komunikasi profesional dalam kalangan guru
- Mewujudkan pembelajaran profesional dalam kalangan guru
- Meningkatkan pengajaran dan pembelajaran

Moderasi melibatkan perbincangan, penyelarasan dan persetujuan sesama rakan sejawat dalam panitia atau mata pelajaran yang sama. Perkara yang dimoderasikan termasuklah aspek

- penentuan kaedah pentaksiran,
- pemilihan instrumen pentaksiran,
- kriteria pertimbangan profesional, serta
- penentuan tahap penguasaan.

Ini dilakukan dengan mengambil kira keperluan dan ketetapan dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) mata pelajaran tersebut.

Terdapat beberapa model atau kaedah dalam moderasi. Guru boleh menggunakan mana-mana kaedah, atau boleh menggabungkan beberapa kaedah berikut:

- **Kalibrasi**
Beberapa sampel hasil kerja murid ditaksir secara sendirian oleh guru. Guru kemudian berbincang (moderasi) tentang pertimbangan yang telah dilakukan.

Tujuan kalibrasi ialah untuk mendapatkan persetujuan dan pemahaman yang sama terhadap standard atau pertimbangan yang telah dilakukan.

- **Persidangan**

Hasil kerja murid ditaksir secara sendirian oleh guru. Beberapa sampel hasil kerja murid yang mewakili pelbagai tahap penguasaan dipilih secara kolaboratif dan dibincangkan (dilakukan moderasi). Tujuan kaedah ini ialah untuk mendapatkan persetujuan dan pemahaman yang sama dalam pemberian tahap penguasaan tersebut.

- **Merujuk Pakar**


Guru melakukan pentaksiran kepada murid masing-masing. Seterusnya hasil pentaksiran tersebut diserahkan kepada pakar untuk mendapatkan maklum balas sama ada guru telah menterjemah dan menggunakan standard seperti yang dihasratkan.

(Klenowski & Adie 2009; Hipkins & Robertson 2011)

BAB 5 PELAKSANAAN PENTAKSIRAN DALAM BILIK DARJAH

5.1 Pelaksanaan PBD

Rajah 30 menunjukkan carta alir pelaksanaan PBD.



Rajah 30: Carta Alir Pelaksanaan PBD

5.1.1 Merancang PdP dan Kaedah Pentaksiran

Dalam merancang PdP dan kaedah pentaksiran, guru perlu:

- Meneliti dan memahami kandungan setiap tajuk dalam DSKP.
- Menentukan objektif pembelajaran yang perlu dicapai oleh murid dan yang hendak ditaksir oleh guru. Objektif pembelajaran hendaklah selari dengan Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran yang telah dikenal pasti.
- Mengenal pasti kaedah pentaksiran yang sesuai.
 - i. Kaedah pentaksiran secara pemerhatian, lisan dan penulisan boleh dilaksanakan secara berasingan atau digabungkan. Pentaksiran ini dijalankan secara berterusan untuk mendapatkan maklumat pentaksiran yang lebih jelas dan tepat berkaitan dengan keupayaan, perkembangan dan kemajuan murid.
 - ii. Penentuan kaedah pentaksiran ini bergantung kepada objektif pembelajaran yang hendak ditaksir dan bersesuaian dengan keupayaan murid.
 - iii. Instrumen pentaksiran yang digunakan bergantung kepada aktiviti PdP yang dirancang dan kaedah pentaksiran yang dipilih.

Pembinaan Instrumen Pentaksiran

Instrumen yang dibina seharusnya mengukur apa yang hendak diukur. Contoh instrumen yang boleh dibina ialah:

- Kertas soalan ujian
- Anekdot
- Soal-selidik
- Lembaran kerja
- Rekod berterusan (*running record*)
- Skala kadar
- Senarai semak

Contoh instrumen pentaksiran ditunjukkan dalam Bab 7.

5.1.2 Melaksanakan PdP dan Pentaksiran

Guru melaksanakan pentaksiran secara berterusan dalam PdP dengan menggunakan kaedah (i) lisan, (ii) bertulis dan (iii) pemerhatian.

i) Pentaksiran Secara Lisan

Pentaksiran secara lisan boleh berlaku secara spontan semasa PdP atau secara terancang melalui sesi soal jawab atau kuiz. Pentaksiran secara lisan merupakan satu kaedah pentaksiran yang mudah dan cepat bagi mengesan perkembangan atau penguasaan murid.

Pentaksiran secara lisan digunakan untuk mengumpul maklumat semasa berlaku interaksi antara:

- Murid dengan guru
- Murid dengan murid
- Murid dengan bahan pembelajaran

Antara aspek yang boleh ditaksir secara lisan ialah:

- Kefahaman konsep
- Pengetahuan fakta
- Kemahiran mendengar
- Penggunaan bahasa yang tepat
- Kefasihan menghafaz
- Sebutan dalam berbahasa
- Kecekapan mencongak
- Gaya persembahan
- Pertuturan dan sikap

Kemahiran lisan boleh ditaksir melalui aktiviti seperti berikut:

- Soal jawab
- Bacaan kuat
- Syarahan
- Perbahasan
- Bercerita
- Perbincangan
- Hafazan
- Temu bual
- Soal jawab
- Nyanyian
- Deklamasi sajak
- Mendengar dan memberi respons secara lisan

Pentaksiran lisan sesuai untuk:

- Mengesan kemajuan dan pencapaian murid dalam kemahiran berkomunikasi

- Mendapat maklumat serta-merta tentang pengetahuan dan kefahaman murid
- Mengesan kebolehan murid dalam kemahiran membaca dan menghafaz
- Mengesan kelancaran dalam sebutan
- Mengesan amalan dan sikap murid secara serta-merta

Instrumen pentaksiran secara lisan boleh dipelbagaikan merangkumi soalan dan aktiviti yang memerlukan respons murid dalam bentuk lisan. Dalam menyediakan instrumen guru perlu memastikan:

- Soalan, pernyataan, ilustrasi dan bahan ransangan perlu jelas dan mudah difahami
- Aktiviti atau bahan boleh merangsang murid mengeluarkan idea
- Pelbagai bentuk soalan seperti soalan bertumpu dan bercapah digunakan untuk merangsang murid berfikir dan menaakul

ii) **Pentaksiran Secara Bertulis**

Pentaksiran secara bertulis melibatkan aktiviti menyemak dan memeriksa tugas dan hasil penulisan murid seperti berikut:

- Karangan
- Laporan projek/eksperimen kerja kursus/folio
- Latihan bertulis
- Ujian bertulis
- Huraian atau tafsiran statistik, peta, jadual, graf atau carta

Instrumen dalam pentaksiran secara bertulis digunakan untuk mengesan perkembangan intelek dan kemahiran murid dari aspek:

- Menulis
- Menyusun idea
- Mengaplikasi
- Mentafsir
- Menilai
- Mencipta

iii) **Pentaksiran Secara Pemerhatian**

Pemerhatian sesuai digunakan untuk mentaksir proses dan hasil kerja murid seperti penghasilan lukisan, buku skrap, kraf tangan, produk atau kerja kursus. Pemerhatian ini membolehkan guru menilai sikap serta penguasaan sesuatu kemahiran.

Pemerhatian boleh digunakan untuk mentaksir aspek seperti berikut:

- Sikap
- Perlakuan/amalan
- Amali
- Kemahiran manipulatif
- Kemahiran bersosial
- Kemahiran belajar
- Kemahiran kinestetik
- Kemahiran literasi komputer
- Kemahiran mereka cipta

Maklumat daripada pemerhatian boleh membantu guru melengkapkan gambaran mengenai keputusan pentaksiran yang diperoleh melalui kaedah lisan dan penulisan. Hasil pemerhatian membolehkan guru mengenal pasti murid yang berdaya tahan, mahir berkomunikasi, pemikir, kerja sepasukan, bersifat ingin tahu, berprinsip, bermatlamat, penyayang atau prihatin dan patriotik. Instrumen pentaksiran secara pemerhatian adalah seperti senarai semak, skala kadar, anekdot dan rekod berterusan (*running record*).

5.1.3 Merekod dan Menganalisis Penguasaan Murid

Merekod ialah aktiviti mencatat maklumat secara sistematik berkaitan perkembangan, kebolehan, kemajuan dan penguasaan murid. Maklumat dalam rekod perlu dikemas kini, disimpan dan dijaga dengan baik untuk memudahkan guru membuat rujukan tentang pembelajaran murid. Maklumat yang direkod perlu dianalisis dan ditafsir untuk tujuan tindakan susulan dan pelaporan.

Merekod boleh dibuat dalam bentuk berikut:

- Membuat pernyataan
- Menanda dengan menggunakan simbol
- Memberi markah
- Memberi gred

Rekod boleh dilakukan dalam rekod mengajar, buku catatan guru, senarai semak dan templat pelaporan (*Excel*).

Aktiviti merekod dilakukan oleh guru dari semasa ke semasa supaya maklumat menyeluruh tentang penguasaan pembelajaran murid terkumpul dan mudah dirujuk. Maklumat yang dikumpul membolehkan guru membuat pertimbangan profesional bagi menentukan tahap penguasaan murid dalam sesuatu kelompok Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran. Seterusnya guru merancang tindakan susulan berdasarkan kepada tahap penguasaan murid.

5.1.4 Tindakan Susulan

Tindakan susulan boleh dijalankan secara serta-merta atau dirancang. Kemampuan setiap murid untuk memahami atau menguasai pelajaran masing-masing adalah berbeza. Semasa menjalankan pentaksiran guru boleh mengenal pasti murid yang belum atau telah menguasai perkara yang telah dipelajari. Seterusnya guru boleh menjalankan tindakan susulan yang sesuai untuk meningkatkan tahap penguasaan setiap murid.

Dalam mengendalikan tindakan susulan bagi meningkatkan penguasaan murid, guru boleh:

- Menggunakan pelbagai teknik PdP yang berkesan bersesuaian dengan tahap keupayaan murid yang berkenaan
- Menggunakan bahan PdP yang menarik dan bersesuaian
- Menggunakan bahasa yang sesuai dengan tahap penguasaan murid
- Memberi perhatian dan bimbingan yang rapi secara individu atau berkumpulan
- Memberi peluang kepada murid untuk mengukuhkan penguasaan dalam pengetahuan, kemahiran dan nilai

5.1.5 Melapor

Pelaporan ialah proses penyampaian maklumat pentaksiran dari semasa ke semasa tentang kemajuan dan pemerolehan pengetahuan, penguasaan kemahiran, penerapan nilai, pembangunan sikap dan pencapaian murid yang dikemukakan kepada pihak berkepentingan terutamanya ibu bapa. Melalui pelaporan, ibu bapa dapat memantau perkembangan pembelajaran dan tahap penguasaan anak mereka.

Perkembangan dan kemajuan murid boleh dilaporkan secara lisan atau bertulis merangkumi perkara berikut:

- Tahap penguasaan murid
- Penyataan tentang minat, sikap dan perlakuan murid
- Cadangan tindakan susulan untuk meningkatkan potensi murid oleh guru mata pelajaran dan guru kelas

Templat pelaporan seperti diterangkan dalam Bab 3 digunakan untuk melapor tahap penguasaan murid. Pelaporan ini dilakukan dua kali setahun dan dijana melalui laporan individu dalam templat *MS Excel* yang disediakan setelah guru menetapkan Tahap Penguasaan murid dalam Rekod Prestasi Murid.

Pelaporan perlu dilakukan bagi membolehkan murid, pihak sekolah dan ibu bapa mengambil tindakan susulan yang sewajarnya. Pelaporan ini juga membantu guru untuk mengenal pasti aspek kekuatan dan kelemahan

seseorang murid serta menambah baik PdP. Pelaporan ini bukan bertujuan untuk membuat perbandingan antara seorang murid dengan murid yang lain.

5.2 Penjaminan Kualiti PBD di Peringkat Sekolah

Penjaminan kualiti merupakan piawaian untuk menentukan kualiti pelaksanaan PBD mengikut garis panduan yang ditetapkan. Kualiti hendaklah menjadi keutamaan dalam semua aspek dan peringkat pentaksiran. Pentaksiran yang berkualiti akan menghasilkan maklumat yang tepat dan menunjukkan perkembangan pembelajaran dan tahap penguasaan murid. Maklumat yang tepat boleh membantu guru dan juga murid melakukan perubahan yang sewajarnya bagi tujuan meningkatkan pengajaran dan pembelajaran.

Penjaminan kualiti PBD di sekolah diketuai oleh Pengetua/Guru Besar (PGB) untuk memastikan kualiti dan kelancaran pelaksanaan pentaksiran dalam bilik darjah dengan melibatkan pelbagai pihak seperti:

- Pengetua/Guru Besar (PGB)
- Penolong Kanan (PK), PK Akademik, PK Hal Ehwal Murid, PK Kokurikulum, PK Pendidikan Khas, Penolong Kanan Petang
- Guru Kanan Mata Pelajaran (GKMP)/Ketua Bidang (KB)
- Ketua Panitia (KP)
- Guru Mata Pelajaran (GMP)
- Guru yang dilantik oleh PGB/Jawatankuasa Kurikulum sekolah/Jawatankuasa PBS sekolah

Penjaminan kualiti dalam pelaksanaan PBD dilakukan melalui:

- Pementoran
- Penyelarasan
- Pemantauan
- Pengesanan

Pementoran

Pementoran dalam konteks PBD adalah satu proses yang dijalankan untuk penjaminan kualiti bagi membantu, memudah cara, membimbing, meningkatkan pengetahuan dan kefahaman guru untuk melaksanakan PBD mengikut prosedur dan garis panduan yang ditetapkan. Aktiviti pementoran dijalankan sebelum, semasa dan/atau selepas pelaksanaan PBD.

Para pentadbir (PGB/PK/GKMP/KB) hendaklah membantu, menyokong serta membimbing guru bagi meningkatkan pengetahuan dan kefahaman guru dalam melaksanakan PBD secara berterusan.

Ketua Panitia (KP) perlu membimbing serta membantu ahli panitia bagi meningkatkan kefahaman dan kualiti pelaksanaan PBD dari semasa ke semasa. KP boleh mengadakan sesi perbincangan dalam *professional learning community* (PLC), mentor-mentee, taklimat serta latihan dalaman, *peer coaching* atau dengan menjalankan kajian tindakan terhadap sesuatu kaedah pentaksiran dalam pelaksanaan PBD.

Pengesanan

Pengesanan ialah satu proses penjaminan kualiti bagi memastikan kaedah dan instrumen pentaksiran yang digunakan sesuai dengan tujuan pentaksiran. Pengesanan dijalankan bagi menilai kesesuaian, kekuatan dan kelemahan kaedah dan instrumen pentaksiran yang digunakan dalam pelaksanaan PBD untuk mendapatkan maklumat tentang penguasaan murid.

Guru mata pelajaran perlu memastikan kaedah dan instrumen pentaksiran yang digunakan bersesuaian dan menepati:

- Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP)
- Tahap keupayaan dan keperluan murid
- Tahap penguasaan murid yang disenaraikan dalam DSKP

Semasa pengesanan dilaksanakan, pentadbir perlu mengenal pasti isu kebolehtadbiran dan kesesuaian kaedah dan instrumen pentaksiran, serta mencadangkan tindakan penambahbaikan.

Pemantauan

Pemantauan adalah satu proses penjaminan kualiti untuk memastikan pelaksanaan PBD mengikut panduan yang ditetapkan. Aktiviti pemantauan boleh dilaksanakan sepanjang pelaksanaan PdP. Para pentadbir (PGB/PK/GKMP/KB/KP) harus menjalankan pemantauan untuk memastikan:


- pengurusan dan pelaksanaan PBD mengikut garis panduan semasa yang disediakan
- aktiviti merekod dilakukan secara sistematik dari semasa ke semasa
- maklumat dan tahap penguasaan murid yang direkod dianalisis bagi tujuan tindakan susulan dan pelaporan
- pelaporan murid perlu dilaksanakan sekurang-kurangnya **dua kali setahun** kepada pihak yang berkepentingan seperti murid, ibu bapa/penjaga dan guru

Penyelarasan

Penyelarasan adalah satu proses penjaminan kualiti untuk memastikan penetapan TP adalah adil kepada murid. Aktiviti penyelarasan boleh dilakukan melalui perbincangan bersama-sama para pentadbir (PGB/PK/GKMP/KB/KP), ahli panitia/guru mata pelajaran dengan merujuk kepada Standard Prestasi yang ditetapkan dalam DSKP. Penyelarasan PBD meliputi perkara-perkara seperti yang berikut:

- kefahaman dan pengetahuan guru terhadap Standard Prestasi dalam menentukan tahap penguasaan murid
- penentuan tahap penguasaan murid dilaksanakan secara adil (kesahan dan kebolehpercayaan) mengikut keupayaan sebenar murid berdasarkan Standard Prestasi yang dinyatakan dalam DSKP
- cara menilai pencapaian hasil kerja murid dalam menentukan tahap penguasaan/skor murid

Rajah 31 menunjukkan tujuan proses pementoran, pengesanan, pemantauan dan penyelarasan yang perlu dijalankan di peringkat sekolah dalam melaksanakan penjaminan kualiti PBD.



Rajah 31 : Penjaminan Kualiti di Peringkat Sekolah

5.3 Tanggungjawab Pihak Sekolah dalam Pelaksanaan PBD

5.3.1 Tanggungjawab Pengetua/Guru Besar/Penolong Kanan Pentadbiran

Tanggungjawab Pengetua dan barisan pentadbir sekolah termasuklah:

- Memahami konsep, kepentingan dan pelaksanaan PBD
- Memimpin dan membimbing guru dalam melaksanakan PBD
- Mengeluarkan arahan di peringkat sekolah bagi pelaksanaan PBD
- Mempengerusikan mesyuarat penyelarasan PBD
- Memantau pelaksanaan PBD dalam kalangan guru
- Mengeluarkan arahan pelaporan pelaksanaan PBD
- Mengeluarkan arahan membuat intervensi sebagai tindakan susulan ke atas murid (jika ada)

5.3.2 Tanggungjawab Guru Kanan Mata Pelajaran (GKMP)/Ketua Bidang/Ketua Panitia

Tanggungjawab GKMP/Ketua Bidang dan Ketua Panitia pula termasuklah:

- Memahami konsep, pelaksanaan dan kepentingan PBD
- Memimpin dan membimbing pelaksanaan PBD
- Memastikan arahan pelaksanaan dipatuhi
- Mengadakan mesyuarat penyelarasan PBD
- Memantau pelaksanaan PBD
- Mengaturkan PLC
- Memantau intervensi dalam tindakan susulan untuk meningkatkan tahap penguasaan murid

5.3.3 Tanggungjawab Guru Mata Pelajaran

Guru mata pelajaran merupakan pelaksana dan memainkan peranan utama dalam PBD. Tanggungjawab guru mata pelajaran termasuklah:

- Memahami konsep, pelaksanaan dan kepentingan PBD
- Melaksanakan PBD seperti yang dirancang dan mematuhi dokumen kurikulum
- Menghadiri sesi PLC dengan rakan guru untuk mendapat input dan perkongsian profesional tentang PdP
- Merekod dan membuat catatan PBD
- Membuat pentaksiran secara adil dan saksama kepada semua murid
- Menggunakan pelbagai kaedah pentaksiran agar sesuai dengan aras keupayaan murid
- Memaklumkan kepada murid aspek yang hendak ditaksir

- Memaklumkan kepada murid Tahap Penguasaan yang diperoleh dan memberi peluang kepada murid yang ingin ditaksir semula
- Membuat penilaian sendiri bagi menambah baik pengajaran dan pentaksiran

BAB 6 PELAKSANAAN PENTAKSIRAN BILIK DARJAH BERASASKAN PROJEK

6.1 Pengenalan

Dalam konteks KSSR dan KSSM, pelaksanaan projek merupakan satu proses pembelajaran yang berpusatkan murid di mana pelbagai disiplin ilmu boleh diintegrasikan secara sistematik dan terancang. Aktiviti kerja projek dilakukan selepas murid telah didedahkan dengan pengetahuan dan kemahiran yang berkaitan. Pentaksiran secara berterusan perlu dijalankan semasa pelaksanaan projek dan ini dikenali sebagai Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) Berasaskan Projek. Pelaksanaan kerja projek memberikan murid ruang untuk meneroka dan menyelesaikan sesuatu isu atau masalah secara praktikal dengan menjalankan inkuiri, perancangan, pelaksanaan dan refleksi. Ini menggalakkan pembelajaran aktif dan pengaplikasian KBAT. Di samping itu, kemahiran berkomunikasi murid juga dapat dikembangkan dan secara tidak langsung nilai-nilai murni murid diterapkan semasa proses pelaksanaan projek. Melalui kerja projek, pemerolehan pengetahuan, penguasaan kemahiran dan penerapan nilai murid dapat dioptimumkan.

Kerja projek boleh dilaksanakan oleh semua murid Tahun 1 di sekolah rendah sehingga Tingkatan 5 di sekolah menengah. Murid-murid digalakkan untuk melaksanakan kerja projek yang menggambarkan kemenjadian mereka.

6.2 Matlamat Melaksanakan Projek

Matlamat pelaksanaan projek dalam KSSR dan KSSM adalah untuk menggalakkan dan membolehkan murid mendapat pengetahuan dan kemahiran baharu serta mengaplikasi pengetahuan, kemahiran dan nilai untuk menyelesaikan masalah dalam proses pembelajaran secara aktif.

6.3 Objektif Projek

Dalam pelaksanaan projek, adalah diharapkan murid dapat:

- 6.3.1 menjelaskan matlamat dan konteks kerja projek
- 6.3.2 mencari maklumat melalui penerokaan sendiri
- 6.3.3 menghubungkan pengetahuan spesifik antara mata pelajaran
- 6.3.4 mengaplikasikan kemahiran menjalankan kajian
- 6.3.5 merancang projek mengikut kriteria
- 6.3.6 menghasilkan pelan projek mengikut tempoh masa tertentu
- 6.3.7 menunjukkan kemahiran pengurusan

- 6.3.8 melaksanakan projek yang menepati matlamat, objektif dan prosedur projek
- 6.3.8 mengambil kira pandangan daripada pelbagai perspektif untuk menyelesaikan masalah
- 6.3.9 membuat penilaian sendiri
- 6.3.10 berkomunikasi dengan berkesan dan menunjukkan kerjasama sepanjang pelaksanaan projek
- 6.3.11 mempamerkan nilai etika dan rohani melalui perlakuan mereka

6.4 Model Projek

Tiga jenis model projek dicadangkan iaitu Projek Gabungan Mata Pelajaran, Projek Komuniti dan Individu, *Middle Years Programme International Baccalaurete* (MYPIB) dan Projek Melalui Mata pelajaran

6.4.1 Projek Gabungan Mata Pelajaran

Projek Gabungan Mata Pelajaran yang menggunakan konsep KmR (Kefahaman melalui Reka Bentuk) dilaksanakan di sekolah di bawah Transformasi Sekolah (TS 25). Projek jenis model ini dilaksanakan dengan gabungan beberapa mata pelajaran. Guru menentukan tema dan murid diberi kebebasan untuk memilih tajuk projek mereka. Murid melaksanakan projek secara berkumpulan. Pentaksiran berlaku sepanjang proses pelaksanaan projek.

6.4.2 Projek Komuniti dan Individu MYPIB

Projek Komuniti dan Individu MYPIB dilaksanakan di sekolah MYPIB. Murid mempunyai kebebasan untuk memilih tajuk projek. Projek Komuniti dilaksanakan secara berkumpulan dan projek individu dilaksanakan secara individu. Murid ditaksir berdasarkan rubrik pentaksiran yang dibekalkan oleh *International Baccalaurete Organisation* (IBO).

6.4.3 Projek Melalui Mata Pelajaran


Dalam model ini, projek boleh dilaksanakan dalam mata pelajaran masing-masing seperti yang dinyatakan dalam DSKP KSSR (Semakan 2017) dan KSSM. Di bawah KSSM, mata pelajaran Sejarah, Geografi, Reka Bentuk dan Teknologi (RBT) dan Asas Sains Komputer (ASK) harus melaksanakan projek. Contohnya, Kajian Kes dilaksanakan dalam mata pelajaran Sejarah; dan Kerja Lapangan dalam mata pelajaran Geografi. Projek juga dilaksanakan berdasarkan DSKP mata pelajaran RBT dan ASK. Kajian kes, kajian lapangan dan projek boleh

dilaksanakan dalam kumpulan atau individu, namun pentaksiran dijalankan secara individu. Walau bagaimanapun projek model ini boleh dilaksanakan melalui mata pelajaran lain.

6.5

Langkah Menjalankan Projek

6.5.1 Carta Alir Proses dalam Pelaksanaan PBD Berasaskan Projek



Rajah 32: Carta Alir Pelaksanaan PBD Berasaskan Projek

6.5.2 Proses Pelaksanaan PBD Berasaskan Projek

- a. Mesyuarat Jawatankuasa Kurikulum bersama-sama Pentadbir Sekolah (Pengetua/Guru Besar dan Penolong Kanan/Guru Kanan Mata Pelajaran)

Perbincangan berkenaan pelaksanaan kerja projek sebagai penentuan Tahap Penguasaan PBD pada pelaporan profil murid. Perbincangan melibatkan:

- Pelantikan Setiausaha PBD
- Penentuan Model Projek
- Tempoh Masa (*Time line*)
- Kos (Pembiayaan daripada siapa)
- Penentuan Guru Penyelia
- Penyelarasan – agihan tugas guru

- b. Perbincangan antara Setiausaha PBD dengan Guru Kanan Mata Pelajaran dan Ketua Panitia

Perbincangan berkenaan cadangan pelaksanaan projek seperti

- Menentukan tema projek
- Kesesuaian projek dengan murid
- Kebolehlaksanaan projek
- Tempoh masa pelaksanaan projek
- Jadual Perancangan

(*Pihak sekolah boleh melibatkan semua guru sebagai Guru Penyelia Projek)

- c. Perbincangan antara Ketua Panitia dengan Guru Penyelia Projek PBD

Perbincangan adalah berkenaan:

- penentuan kumpulan murid di bawah guru penyelia
- penyeliaan dan bimbingan murid sehingga tamat proses
- pentaksiran proses dan hasil kerja projek
- kaedah penetapan dan perekodan Tahap Penguasaan setiap murid

d. Makluman kepada murid dan ibu bapa/penjaga yang terlibat

Pengetua/Guru Besar memaklumkan kepada semua murid dan ibu bapa/penjaga yang terlibat dalam pelaksanaan PBD berasaskan projek. Makluman ini boleh disampaikan melalui surat-menyurat atau taklimat.

e. Perjumpaan Guru Penyelia PBD Projek dengan Murid

Perjumpaan berkaitan:

- pembentukan kumpulan kerja projek.
- cadangan tajuk projek yang dipilih.
- bimbingan dan pemantauan perkembangan kerja projek murid secara berkala (berperingkat) bagi memastikan murid mengikut perancangan yang telah ditetapkan.

f. Murid memulakan kerja projek

Murid membuat perbincangan dan perancangan kerja dalam kalangan ahli kumpulan/secara individu untuk menentukan:

- Tajuk Projek
- Tujuan Projek (Matlamat dan Objektif)
- Perancangan dan Agihan Tugas
- Kos/sumber
- Dokumentasi
- Cara persembahan (*Presentation*)

g. Penyeliaan dan Bimbingan Guru Penyelia Projek PBD dengan Murid

Murid memulakan kerja projek mengikut tempoh masa yang ditetapkan. Murid sentiasa berhubung secara berkala dengan guru penyelia sepanjang pelaksanaan kerja projek mereka, bermula dari pemilihan tajuk, persediaan, agihan tugas dan perancangan sepanjang pelaksanaan projek mereka. Penambahbaikan boleh dilakukan dari semasa ke semasa jika perlu.

h. Pentaksiran Kerja Projek

Pentaksiran PBD Berasaskan Kerja Projek akan menggunakan satu rubrik pentaksiran yang telah diselaraskan oleh semua guru penyelia yang terlibat. Pentaksiran berlaku sepanjang tempoh pelaksanaan berdasarkan setiap sesi pertemuan dan perbincangan yang

diadakan. Guru mentaksir murid berdasarkan rubrik pentaksiran di bawah dimensi 'mengumpul maklumat', 'merancang', 'mengaplikasi', 'membuat refleksi', 'berkomunikasi' serta 'etika dan kerohanian'. Guru perlu merekod perkembangan penguasaan murid menggunakan templat perekodan yang disediakan.

i. Pelaporan dan *Showcase* (Persembahan) Kerja Projek PBD

Pelaporan secara bertulis (dokumentasi) adalah perlu disediakan. Murid perlu membuat persembahan kerja projek yang berkaitan. Semasa persembahan kerja projek murid, guru boleh mentaksir murid berdasarkan komponen rubrik pentaksiran seperti dimensi 'membuat refleksi', 'berkomunikasi' serta 'etika dan kerohanian'. Guru boleh menyediakan senarai semak berdasarkan rubrik pentaksiran untuk mentaksir murid semasa pembentangan projek/produk.

Tempoh masa bagi murid menyiapkan laporan dan persediaan untuk *showcase*/persembahan boleh ditentukan oleh sekolah. Salah satu cadangan untuk murid Tahun 6 dan Tingkatan 3, persembahan boleh dijalankan selepas peperiksaan UPSR/PT3.

6.6 Peranan Pentadbir/Setiausaha PBD/Guru Penyelia/Murid

a. Peranan Pentadbir

- Mengadakan mesyuarat pelaksanaan PBD Berasaskan Projek
- Memaklumkan murid dan ibu bapa/penjaga tentang PBD Berasaskan Projek

b. Peranan Setiausaha PBD

- Mengadakan perbincangan bersama-sama Ketua Panitia
- Mengadakan perbincangan bersama-sama Guru Penyelia PBD Berasaskan Projek
- Menyelaras pembahagian murid kepada Guru Penyelia PBD Berasaskan Projek
- Mengurus perekodan profil murid untuk tujuan pelaporan

c. Peranan Guru Penyelia PBD Berasaskan Projek

- Mengadakan perjumpaan dengan murid di bawah seliaan
- Mengadakan perbincangan berkaitan tajuk projek yang akan dilaksanakan oleh murid
- Mengenal pasti sumber (kos, tenaga manusia) bagi pelaksanaan projek (Contoh: bahan kayu)

- Merancang strategi pelaksanaan projek
- Mengadakan perbincangan kaedah pelaksanaan projek
- Membimbing sebagai fasilitator kepada murid semasa proses pelaksanaan projek
- Memantau perkembangan kerja murid dalam pelaksanaan projek
- Mentaksir perkembangan kerja murid mengikut rubrik pentaksiran
- Memastikan kerja murid mengikut perancangan projek (Senarai Semak)
- Mentaksir murid semasa persembahan murid menggunakan senarai semak/templat pentaksiran

d. Peranan Murid dalam Projek

- Berbincang dengan Guru Penyelia PBD Berasaskan Projek untuk memilih tajuk projek
- Menjalankan kajian secara individu/kumpulan
- Mencari dan mengumpul maklumat di dalam kelas/luar kawasan/luar PdP
- Menggunakan pelbagai sumber/bahan bercetak/elektronik yang sesuai
- Menyediakan gambar/foto/rajah/poster/grafik untuk menyokong hasil kajian
- Perancangan :
 - Jadual kerja
 - Pengagihan kerja
 - Menetapkan objektif kajian
 - Penentuan kaedah kajian/tugasan/penyelesaian masalah
- Contoh Hasil Projek :
 - Grafik
 - Tafsiran konsep
 - Laman web
 - Kajian kes
 - Kajian lapangan
 - Model
 - Prototaip
 - Persembahan
 - Video
- Membuat pentaksiran sendiri dan rakan sebaya (dilakukan semasa merancang dan melaksanakan projek). Contoh borang pentaksiran sendiri dan rakan sebaya boleh dirujuk di Bab 7.
- Semua hasil projek harus didokumentasikan dan dipersembahkan. Setiap persembahan murid perlu memperlihatkan proses pelaksanaan projek, kreativiti dan inovatif.

6.7 Jangka Masa untuk Menyempurnakan Projek

- Tempoh masa pelaksanaan projek adalah sepanjang tahun.
- Perbincangan bersama-sama guru, pemilihan tajuk projek, bentuk kumpulan boleh dijalankan pada awal tahun.

6.8 Etika dalam Melaksanakan Projek

- Murid harus memilih tajuk yang sesuai dan mengambil kira sensitiviti sekolah dan komuniti setempat.
- Guru harus memastikan bahawa produk murid tersebut adalah hasil kerja murid sendiri.
- Murid harus menyatakan sumber rujukan semasa mendapatkan maklumat daripada buku, majalah atau internet.

6.9 Rubrik Pentaksiran Berasaskan Projek

Rubrik merupakan alat penilaian subjektif yang digunakan untuk menilai prestasi dan tahap peningkatan seseorang murid. Rubrik menggambarkan kriteria yang konsisten dan membolehkan tahap penguasaan murid dinilai dengan lebih spesifik dan tepat dari pelbagai dimensi. Rubrik boleh digunakan dalam pembelajaran, contohnya murid boleh menilai prestasi mereka pada projek, esei dan tugas.

Rubrik Pentaksiran Berasaskan Projek merupakan satu set pemarkahan atau tahap penguasaan untuk mentaksir hasil kerja dan tugas murid. Rubrik tersebut terdiri daripada enam dimensi iaitu:

- Mengumpul Maklumat
- Merancang
- Mengaplikasi
- Membuat Refleksi
- Berkomunikasi
- Etika dan Kerohanian

Setelah guru mentaksir murid berdasarkan enam dimensi ini, guru akan menetapkan tahap penguasaan keseluruhan berdasarkan pertimbangan profesional guru.

Jadual 6.1 hingga Jadual 6.6 memaparkan enam dimensi Rubrik Pentaksiran Berasaskan Projek dan Jadual 6.7 memaparkan Tahap Penguasaan Keseluruhan Bagi Projek.

Jadual 6.1
Dimensi Mengumpul Maklumat (Menggunakan Pemikiran Kritis dan Kreatif, Kolaboratif)

Tahap Penguasaan	Huraian
1 (sangat terhad)	Murid boleh mengumpul maklumat dari sumber yang sangat terhad dan tidak berkaitan dengan konteks projek
2 (terhad)	Murid boleh mengumpul maklumat dari sumber yang terhad dan kurang bersesuaian dengan konteks projek.
3 (memuaskan)	Murid boleh mengumpul dan mengurus (menyusun/mengkategori/menyimpan) maklumat daripada sumber yang terhad dan bersesuaian dengan konteks projek.
4 (baik)	Murid boleh mengumpul dan mengurus (menyusun/mengkategori/menyimpan) maklumat daripada pelbagai sumber dan bersesuaian dengan konteks projek.
5 (sangat baik)	Murid boleh mengumpul dan mengurus (menyusun/mengkategori/menyimpan) maklumat daripada pelbagai sumber, boleh dipercayai dan bersesuaian dengan konteks projek.
6 (cemerlang)	Murid boleh mengumpul dan mengurus (menyusun/mengkategori/menyimpan) maklumat daripada pelbagai sumber, sahih dan boleh dipercayai serta bersesuaian dengan konteks projek.

- **Sahih** - merujuk kepada maklumat yang autentik dan tidak boleh dipertikaikan
- **Boleh dipercayai** – merujuk kepada sumber yang boleh dipercayai seperti surat khabar atau majalah

Jadual 6.2
Dimensi Merancang (Menggunakan Pemikiran Kritis dan Kreatif, Kolaborasi)

Tahap Penguasaan	Huraian
1 (sangat terhad)	Murid boleh • merancang projek yang lebih mirip kepada tugas sekolah tanpa mengambil kira konteks dunia sebenar dan matlamat yang tidak jelas. • tidak mengemukakan pelan perancangan.
2 (terhad)	Murid boleh • merancang projek yang mempunyai ciri-ciri konteks dunia sebenar yang sangat terhad dan matlamat yang kurang jelas. • merancang aktiviti projek dengan mengemukakan pelan perancangan (penjadualan/struktur organisasi/pembahagian tugas) yang kurang lengkap.
3 (memuaskan)	Murid boleh • merancang projek yang mempunyai ciri-ciri konteks dunia sebenar yang sangat terhad dan matlamat yang jelas. • merancang aktiviti projek dengan mengemukakan pelan perancangan (penjadualan/struktur organisasi/pembahagian tugas) yang lengkap.
4 (baik)	Murid boleh • merancang projek yang mempunyai konteks dunia sebenar, melibatkan tugas dunia sebenar yang terhad (<i>real world task</i>) dan mempunyai matlamat yang jelas. • merancang aktiviti projek dengan mengemukakan pelan perancangan (penjadualan/struktur organisasi/pembahagian tugas) yang jelas dan lengkap.
5 (sangat baik)	Murid boleh • merancang projek yang mempunyai konteks dunia sebenar, melibatkan tugas dunia sebenar (<i>real world task</i>) dan matlamat yang sangat jelas. • merancang aktiviti projek dengan mengemukakan pelan perancangan (penjadualan/struktur organisasi/pembahagian tugas) yang jelas, lengkap dan boleh dicapai.
6 (cemerlang)	Murid boleh • merancang projek yang mempunyai konteks dunia sebenar, melibatkan tugas dunia sebenar (<i>real world task</i>), matlamat yang sangat jelas serta boleh dicontohi. • merancang aktiviti projek dengan mengemukakan pelan perancangan (penjadualan/struktur organisasi/pembahagian tugas) yang jelas, lengkap, boleh dicapai, teratur, dan boleh dicontohi.

Jadual 6.3
Dimensi Mengaplikasi (Menggunakan Pemikiran Kritis dan Kreatif, Kolaborasi)

Tahap Penguasaan	Huraian
1 (sangat terhad)	Murid boleh • melaksanakan projek tidak mengikut tempoh masa. • melaksanakan projek tetapi tidak dapat menyelesaikan masalah/mengurus situasi semasa. • menghasilkan projek yang tidak lengkap.
2 (terhad)	Murid boleh • melaksanakan projek dengan kurang mengikut tempoh masa dan kurang mengikut prosedur. • menyelesaikan masalah/mengurus situasi tetapi secara terhad. • menghasilkan projek yang lengkap tetapi kurang kemas.
3 (memuaskan)	Murid boleh • melaksanakan projek dengan mengikut tempoh masa tetapi kurang mengikut prosedur. • menyelesaikan masalah/mengurus situasi tetapi secara memuaskan. • menghasilkan projek yang lengkap dan kemas.
4 (baik)	Murid boleh • melaksanakan projek dengan mengikut tempoh masa dan mengikuti prosedur secara betul. • menyelesaikan masalah/mengurus situasi dengan baik. • menghasilkan projek yang lengkap dan kreatif.
5 (sangat baik)	Murid boleh • melaksanakan projek dengan mengikut tempoh masa dan mengikut prosedur yang tepat dan betul. • menyelesaikan masalah dan mengurus situasi dengan tersusun dan baik. • menghasilkan projek yang lengkap, menarik, kreatif dan memberi impak yang munasabah.
6 (cemerlang)	Murid boleh • melaksanakan projek dengan mengikut tempoh masa dan mengikut prosedur dengan tepat dan betul, sistematik dan boleh dicontohi. • menyelesaikan masalah dan mengurus situasi dengan sangat tersusun dan cekap. • menghasilkan projek yang lengkap, menarik, kreatif dan memberi impak yang tinggi serta boleh dicontohi.

Jadual 6.4
Dimensi Membuat Refleksi (Penilaian Kendiri)

Tahap Penguasaan	Huraian
1 (sangat terhad)	Murid • jarang membuat penilaian kendiri semasa atau selepas projek.
2 (terhad)	Murid • kurang membuat penilaian kendiri semasa atau selepas projek tentang sesuatu perkara dan bagaimana mereka belajar.
3 (memuaskan)	Murid • kadang kala membuat penilaian kendiri semasa dan selepas projek tentang sesuatu perkara dan bagaimana mereka belajar dengan memuaskan.
4 (baik)	Murid boleh • membuat penilaian kendiri semasa dan selepas projek tentang sesuatu perkara dan bagaimana mereka belajar dengan baik.
5 (sangat baik)	Murid boleh • membuat penilaian kendiri semasa dan selepas projek tentang sesuatu perkara dan bagaimana mereka belajar dengan menyeluruh.
6 (cemerlang)	Murid boleh • membuat penilaian kendiri semasa dan selepas projek tentang sesuatu perkara dan bagaimana mereka belajar dengan menyeluruh, mendalam dan boleh dicontohi.

- Murid boleh mencatat refleksi kendiri dalam jurnal harian/buku catatan atau sebagainya

Jadual 6.5
Dimensi Berkomunikasi

Tahap Penguasaan	Huraian
1 (sangat terhad)	Murid boleh • berkomunikasi dengan bahasa lisan atau bukan lisan dengan terhad. • menggunakan kaedah penyampaian yang kurang sesuai.
2 (terhad)	Murid boleh • berkomunikasi dengan bahasa lisan atau bukan lisan kurang berkesan. • menggunakan kaedah penyampaian yang terhad dan kurang sesuai.
3 (memuaskan)	Murid boleh • berkomunikasi dengan bahasa lisan dan bukan lisan dengan betul. • menggunakan kaedah penyampaian yang terhad dengan memuaskan.
4 (baik)	Murid boleh • berkomunikasi dengan bahasa lisan dan bukan lisan dengan betul dan berkesan. • menggunakan beberapa kaedah penyampaian dengan baik.
5 (sangat baik)	Murid boleh • berkomunikasi dengan bahasa lisan dan bukan lisan dengan betul, berkesan dan beradab. • menggunakan pelbagai kaedah penyampaian dengan menarik dan berkesan.
6 (cemerlang)	Murid boleh • berkomunikasi dengan bahasa lisan dan bukan lisan dengan mantap, berkesan, beradab dan boleh dicontohi. • menggunakan pelbagai kaedah penyampaian dengan menarik, berkesan dan penuh keyakinan serta boleh dicontohi.

- **Bahasa lisan** – merujuk kepada bahasa yang dituturkan untuk menyampaikan sesuatu mesej
- **Bahasa bukan lisan** – merujuk kepada bahasa isyarat atau gerak badan untuk menyampaikan sesuatu mesej

Jadual 6.6
Dimensi Etika dan Kerohanian

Tahap Penguasaan	Huraian
1 (sangat terhad)	Murid boleh mempamerkan nilai etika dan kerohanian yang terhad melalui perlakuan harian.
2 (terhad)	Murid boleh mempamerkan nilai etika dan kerohanian yang kurang memuaskan melalui perlakuan harian.
3 (memuaskan)	Murid boleh mempamerkan nilai etika dan kerohanian dengan memuaskan melalui perlakuan harian.
4 (baik)	Murid boleh mempamerkan nilai etika dan kerohanian dengan bersungguh-sungguh dalam situasi tertentu.
5 (sangat baik)	Murid boleh mempamerkan nilai etika dan kerohanian dengan baik dalam pelbagai situasi.
6 (cemerlang)	Murid boleh mempamerkan nilai etika dan kerohanian secara tekal dan cemerlang dalam kehidupan harian dan boleh dicontohi.

- Nota: Komponen Etika dan Kerohanian perlu dibaca bersama dengan Dimensi dan Nilai di bawah Etika dan Kerohanian (Jadual 6.6.1). Nilai dan Kerohanian merangkumi 4 dimensi iaitu Jati Diri, Sosio-Emosi, Etika dan Kerohanian. Tafsiran Dimensi adalah seperti di Jadual 6.6.1.

Jadual 6.6.1
Tafsiran Aspek Nilai Etika Dan Kerohanian Dalam PBD Berasaskan Projek

ASPEK	NILAI ETIKA DAN KEROHANIAN	TAFSIRAN
JATI DIRI	Toleransi	Bertolak ansur, sabar dan mengawal diri demi kesejahteraan hidup, menerima atau menghormati pendapat orang lain.
	Hormat	Menghargai dan memuliakan seseorang serta menghormati peraturan institusi sosial.
	Kerjasama	Melakukan sesuatu bersama-sama untuk kebaikan semua.

ASPEK	NILAI ETIKA DAN KEROHANIAN	TAFSIRAN
SOSIO-EMOSI	Kasih sayang	Kepekaan dan perasaan cinta yang lahir dari hati yang ikhlas.
	Penghargaan	Menghargai pandangan, pendapat, bantuan, pertolongan yang diperolehi dari individu lain dan institusi sosial.
	Bersemangat	Melakukan sesuatu dengan bersungguh-sungguh dan kemahuan yang tinggi.
	Kreativiti	Kemampuan menggunakan imaginasi untuk mengumpul, mencerna dan menjana idea atau mencipta sesuatu yang baharu atau asli melalui ilham atau gabungan idea yang ada.
	Berkeyakinan	Kemampuan individu dalam mempercayai kemampuan dirinya membuat sesuatu perkara, tidak ragu-ragu.
	Rasa ingin tahu	Berkeinginan tinggi untuk mengetahui dan mempelajari sesuatu yang baru

ASPEK	NILAI ETIKA DAN KEROHANIAN	TAFSIRAN
	Empati	Keupayaan untuk memahami dan berkongsi perasaan dengan orang lain. Menyelami perasaan atau emosi orang lain.
	Berdikari	Berdiri atas kaki sendiri, tidak bergantung kepada bantuan orang lain.
	Patriotisme	Perasaan cinta yang kuat kepada tanah air serta bangga dan taat setia kepada Raja dan Negara sehingga sanggup berkorban.

ASPEK	NILAI ETIKA DAN KEROHANIAN	TAFSIRAN
ETIKA	Komitmen	Memberikan sepenuh tenaga dan perhatian atau menunjukkan sokongan dan azam yang padu kepada sesuatu perkara serta bermotivasi tinggi.
	Integriti	Kejujuran yang merangkumi sifat ihsan dalam diri individu.

ASPEK	NILAI ETIKA DAN KEROHANIAN	TAFSIRAN
KEROHANIAN	Kasih sayang	Kepekaan dan perasaan cinta yang lahir dari hati yang ikhlas kepada Pencipta.
	Kesyukuran	Bersyukur kepada Tuhan dengan mempamerkan amalan yang mulia mengikut agama atau kepercayaan masing-masing.

Jadual 6.7
Tahap Penguasaan Keseluruhan Bagi Projek

Tahap Penguasaan	Huraian
1 (sangat terhad)	• Murid mengumpul dan mengurus maklumat dengan sangat terhad dan tidak berkaitan. • Murid merancang projek yang lebih mirip kepada tugas sekolah tanpa mengambil kira konteks dunia sebenar dan matlamat projek tidak jelas serta tanpa mengemukakan pelan perancangan. • Murid melaksanakan projek tidak mengikut tempoh masa dan tidak dapat menyelesaikan masalah atau mengurus situasi. • Murid menghasilkan projek yang tidak lengkap. • Murid jarang membuat refleksi sendiri untuk memperbaiki kualiti projek serta cara pembelajaran sendiri. • Murid berkomunikasi secara terhad. • Murid mempamerkan nilai etika dan kerohanian yang terhad.
2 (terhad)	• Murid mengumpul maklumat daripada sumber yang terhad dan kurang bersesuaian dengan konteks untuk merancang projek. • Murid merancang projek yang mempunyai ciri-ciri konteks dunia sebenar yang sangat terhad dan matlamat yang kurang jelas dengan mengemukakan pelan perancangan yang kurang lengkap. • Murid melaksanakan projek tetapi kurang mengawal aktiviti projek mengikut tempoh masa dan prosedur; serta hanya menyelesaikan masalah atau mengurus situasi semasa projek dengan terhad. • Murid menghasilkan projek yang kurang kemas. • Murid kurang membuat refleksi sendiri untuk memperbaiki kualiti projek serta cara pembelajaran sendiri. • Murid berkomunikasi tetapi kurang berkesan. • Murid mempamerkan nilai etika dan kerohanian yang kurang memuaskan.
3 (memuaskan)	• Murid dapat mengumpul dan mengurus maklumat daripada sumber yang terhad dan bersesuaian untuk merancang projek dengan memuaskan. • Murid dapat merancang projek yang mempunyai ciri-ciri konteks dunia sebenar yang sangat terhad, melibatkan matlamat yang jelas dengan mengemukakan pelan perancangan yang lengkap. • Murid dapat melaksanakan dan mengawal aktiviti projek mengikut tempoh masa tetapi kurang prosedur serta menyelesaikan masalah atau mengurus situasi semasa projek dengan memuaskan. • Murid menghasilkan projek yang lengkap dan kemas. • Mereka kadang-kala membuat refleksi sendiri untuk memperbaiki kualiti projek serta cara pembelajaran sendiri dengan memuaskan. • Murid dapat berkomunikasi dengan betul.

Tahap Penguasaan	Huraian
	• Murid mengamalkan nilai-nilai etika dan kerohanian yang memuaskan.
4 (baik)	• Murid dapat mengumpul dan mengurus maklumat daripada pelbagai sumber dan bersesuaian untuk merancang projek dengan baik. • Murid dapat merancang projek yang mempunyai konteks dunia sebenar, melibatkan matlamat yang jelas dengan mengemukakan pelan perancangan yang jelas dan lengkap. • Murid dapat melaksanakan dan mengawal aktiviti projek mengikut tempoh masa dan mengikut prosedur dengan betul serta menyelesaikan masalah atau mengurus situasi semasa projek dengan baik. • Murid menghasilkan projek yang lengkap dan kreatif. • Mereka membuat refleksi sendiri untuk memperbaiki kualiti projek serta cara pembelajaran sendiri dengan baik. • Murid dapat berkomunikasi dengan betul dan berkesan. • Murid mengamalkan nilai-nilai etika dan kerohanian yang baik.
5 (sangat baik)	• Murid dapat mengumpul dan mengurus maklumat daripada pelbagai sumber, boleh dipercayai serta bersesuaian untuk merancang projek dengan berkesan dan baik. • Murid dapat merancang projek yang mempunyai konteks dunia sebenar, melibatkan matlamat yang sangat jelas dengan mengemukakan pelan perancangan yang jelas, lengkap dan boleh dicapai. • Murid dapat melaksanakan dan mengawal aktiviti projek mengikut tempoh masa, mengikut prosedur dengan tepat dan betul serta menyelesaikan masalah dan mengurus situasi semasa projek dengan tersusun dan baik. • Murid menghasilkan projek yang autentik, kreatif dan memberi impak yang munasabah terhadap persekitaran sebenar. • Mereka juga dapat membuat refleksi sendiri dengan menyeluruh untuk memperbaiki kualiti projek serta cara pembelajaran sendiri. • Murid dapat berkomunikasi dan bersosialisasi dengan bahasa yang betul dan berkesan serta beradab. • Murid mengamalkan nilai-nilai etika dan kerohanian yang baik dan berterusan.
6 (cemerlang)	• Murid dapat mengumpul dan mengurus maklumat daripada pelbagai sumber, sahih dan boleh dipercayai serta bersesuaian untuk merancang projek dengan berkesan dan cemerlang. • Murid dapat merancang projek yang mempunyai konteks dunia sebenar, melibatkan matlamat yang sangat jelas dengan mengemukakan pelan perancangan yang jelas, lengkap, boleh dicapai, teratur dan boleh dicontohi. • Murid dapat melaksanakan dan mengawal aktiviti projek mengikut tempoh masa, mengikut prosedur dengan tepat, betul

Tahap Penguasaan	Huraian
	dan sistematik serta menyelesaikan masalah dan mengurus situasi semasa projek dengan cekap dan berkesan. • Murid dapat menghasilkan projek yang autentik, kreatif dan memberi impak yang tinggi terhadap persekitaran sebenar serta boleh dicontohi. • Murid juga dapat membuat refleksi sendiri secara mendalam dan menyeluruh untuk memperbaiki kualiti projek serta cara pembelajaran sendiri. • Murid dapat berkomunikasi dan bersosialisasi dengan bahasa yang mantap dan berkesan, penuh berkeyakinan dan beradab. • Murid mengamalkan nilai-nilai etika dan kerohanian yang cemerlang secara berterusan serta boleh dicontohi.

BAB 7 CONTOH INSTRUMEN PENTAKSIRAN

7.1 Pengenalan

Dalam pelaksanaan PBD, terlebih dahulu guru perlu menentukan hasil pembelajaran yang akan dicapai oleh murid masing-masing berdasarkan objektif pembelajaran yang ditentukan dari Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran.

Bab ini membincangkan contoh instrumen dari beberapa mata pelajaran, mengikut kaedah pentaksiran:

- (i) Pemerhatian
- (ii) Lisan
- (iii) Penulisan

Pentaksiran menggunakan ketiga-tiga kaedah tersebut boleh dilaksanakan secara berasingan atau digabungkan untuk mendapatkan maklumat yang lebih tepat dan jelas tentang kebolehan dan tahap penguasaan murid.

Contoh instrumen dalam bab ini **hanyalah sebagai panduan** dan memberi idea kepada guru tentang bentuk instrumen yang boleh digunakan dalam melaksanakan PBD. Guru bebas memilih dan menentukan kaedah serta instrumen pentaksiran berdasarkan kreativiti, situasi dan hasil pembelajaran yang hendak dicapai.

7.1.1 Kaedah Pentaksiran Secara Pemerhatian

Pemerhatian dilaksanakan sepanjang proses PdP. Instrumen pentaksiran yang boleh digunakan semasa membuat pemerhatian ialah seperti berikut:

- senarai semak,
- anekdot, atau
- rekod berterusan (*running record*)

Contoh 1: Senarai Semak

Mata pelajaran	Reka Bentuk Dan Teknologi (Tingkatan 1)
Objektif Pembelajaran	Murid dapat menyenaraikan elemen reka bentuk yang terdapat dalam lakaran produk
Penerangan aktiviti: Murid dibahagikan kepada 4 kumpulan dan diminta membuat lakaran satu produk reka bentuk yang berada di sekelilingnya. Kemudian, murid dikehendaki menyenaraikan semua elemen reka bentuk yang terdapat pada lakaran kumpulan masing-masing.	

Guru boleh melaksanakan PBD melalui pemerhatian sepanjang proses aktiviti yang dijalankan dalam kelas berdasarkan **senarai semak yang disediakan**.

Jadual Senarai Semak - Tandakan (/) bagi elemen yang berkaitan.

BIL	NAMA MURID	E1	E2	E3	E4	E5	CATATAN
1.	Aminah binti Abdul	/	/	/		/	Murid belum menguasai elemen warna
2.	Badrul bin Ahmad	/	/			/	
3.	Siti Hajar binti Yusof	/	/	/	/	/	

Nota : E1 – Elemen garisan
E2 – Elemen rupa
E3 – Elemen ruang
E4 – Elemen warna
E5 – Elemen kontras

Contoh 2: Anekdot

CATATAN ANEKDOT PENDIDIKAN MORAL TAHUN 3

Nama : Tey Siew Li

Kelas : 3 Platinum

Tarikh : 13.10.2016 (Khamis)

Masa : 7.15 Pagi

Nilai : Bertanggungjawab

Standard Kandungan : 3.0 Tanggungjawab di sekolah

Standard Pembelajaran : 3.5 Mengamalkan sikap bertanggungjawab di sekolah

BUTIRAN: Pada tarikh 13.10.2016 (Khamis), murid ini telah membersihkan kelasnya tanpa disuruh atau dikawal selia oleh guru. Dia terus bertugas membersihkan kelas dengan menyapu dan menyusun meja sebaik sahaja sampai ke kelas pada pagi ini. Merujuk kepada jadual tugasan harian, murid ini sepatutnya bertugas memadam papan hitam pada hari Isnin. Guru lain juga pernah melihat dan memberitahu bahawa murid ini sentiasa membersihkan kelas sebaik sahaja sampai ke sekolah tanpa disuruh. Ini menunjukkan bahawa Tey Siew Li merupakan seorang murid yang rajin dan bertanggungjawab. Ketika disoal, murid ini menyatakan bahawa dia melakukan amalan moral ini kerana itu ialah tanggungjawabnya sebagai murid di sekolah.

Disediakan oleh:

.....

(Alinda Abu Samah)
Guru Pendidikan Moral

Contoh 3: Rekod Berterusan (*Running Record*)

Nama	: Amirah binti Amir	Umur	: 6 tahun
Pemerhati	: Ustazah Norlela	Kelas	: Prasekolah Suria
Tarikh	: 17 Mei 2016	Masa	: 10.00 – 10.10 pagi

Catatan/Pemerhatian			Ulasan
Amirah dilantik sebagai ketua kumpulan untuk melaksanakan aktiviti pembelajaran. Selaku ketua, Amirah membahagikan tugas kepada ahli kumpulan.			Amirah mempunyai sikap kepimpinan dan adil semasa membahagikan tugas kepada ahli kumpulan.
Amirah	:	Siapa nak gunting gambar ni?	
Balqis	:	Saya nak.	
Qaseh	:	Saya nak tolong tampal.	
Amirah	:	Ok.. Saya dan Balqis gunting gambar. Qaseh dan Puteri tolong tampal.	
Amirah membaca <i>basmalah</i> sebelum memulakan aktiviti dan diikuti rakan-rakannya.			Amirah mengamalkan menyebut <i>basmalah</i> .
Selesai menggunting Amirah membuang sisa kertas ke dalam tong sampah.			Amirah mengamalkan sifat rajin dan bertanggungjawab.
Amirah : Qaseh, mari saya tolong awak tampal gambar ni.			Amirah membantu ahli kumpulan menyelesaikan tugas kumpulan mereka.
Qaseh : Boleh, terima kasih Amirah.			Amirah merupakan seorang yang prihatin dan boleh bekerjasama sesama rakan.
Amirah : <i>Alhamdulillah</i> , dah siap.			Amirah mengamalkan menyebut <i>hamdalah</i> .

Contoh 4: Gambar Aktiviti

Guru juga melakukan pemerhatian dan mengambil gambar sepanjang aktiviti pembelajaran. Contohnya dalam satu aktiviti memasak, pemerhatian dilakukan pada setiap peringkat dan proses memasak tersebut. Contoh 4 menunjukkan gambar-gambar yang dirakamkan oleh guru sepanjang aktiviti dijalankan.

Menyediakan bahan-bahan masakan



Memasak dalam kumpulan



Menghias masakan



7.1.2 Kaedah Pentaksiran Secara Lisan

Pentaksiran secara lisan digunakan untuk mengumpul maklumat semasa berlaku interaksi antara

- i. murid dengan guru,
- ii. murid dengan murid, dan
- iii. murid dengan pembelajaran

Contoh 5: Pentaksiran Secara Lisan antara Murid dengan Guru

Guru boleh berinteraksi dengan murid melalui penyoalan dan membuat penilaian secara teliti dengan memberi komen kepada respons murid untuk menggalakkan pembelajaran yang berkesan seperti contoh di bawah.

Mata pelajaran	Bahasa Cina (Tahun 1)	
Objektif Pembelajaran	Murid boleh memerihalkan tentang buih dengan jelas.	
Soalan guru: Apakah pemerhatian anda tentang buih yang ditiup?		
	Respons murid	Contoh Komen guru
M1	Buih yang saya tiup adalah besar.	Anda sebut tentang bentuk buih. Baik! Teruskan lagi.
M2	Buih yang saya tiup besar dan bulat.	Anda menggunakan kata “dan” untuk menjelaskan saiz dan bentuknya. Satu usaha yang baik!
M3	Buih yang saya tiup lebih besar daripada orang lain.	Anda boleh membuat perbandingan, sangat pandai!
M4	Buih yang saya tiup adalah lutsinar.	Hebat! Anda dapat menjelaskan warna buih.
M5	Buih yang saya tiup semakin besar, akhirnya meletup “pop” .	Anda seorang budak yang teliti semasa memerhatikan sesuatu. Bagus!

M6	Buih yang saya tiup boleh menari, melompat ke sana ke mari, sekelip mata sahaja lesap.	Anda mengumpamakan buih seperti orang, hebat betul!
Nota: M1 = Murid 1; M2 = Murid 2 dan seterusnya		

* Nota: Contoh interaksi lisan tidak perlu direkodkan

Respons guru boleh pelbagai. Guru harus memberi motivasi untuk membantu murid menambah baik jawapan mereka.

Contoh 6: Pentaksiran Secara Lisan antara Murid dengan Guru (Soalan Lisan)

Contoh di bawah merujuk kepada pentaksiran secara lisan antara guru dan murid tentang aspek pertuturan dan sikap murid melalui perbualan.

Mata pelajaran	Pendidikan Moral (Tahun 3)
Objektif Pembelajaran	1. Murid boleh menyatakan tanggungjawab dan menyenaraikan cara melaksanakan tanggungjawab di sekolah. 2. Menceritakan perasaan setelah melaksanakan tanggungjawab di sekolah.
Penerangan Aktiviti	Perbincangan berlaku antara guru dan murid bagi mengetahui cara dan perasaan setelah mereka melaksanakan tanggungjawab di sekolah.
Contoh soalan	1. Bagaimanakah anda menunjukkan tanggungjawab pada sekolah? 2. Apakah perasaan anda setelah melaksanakan tanggungjawab di sekolah?

Contoh 7: Pentaksiran Secara Lisan Antara Murid Dengan Murid (Pentaksiran Rakan Sebaya)

Pentaksiran berlaku semasa penerangan murid kepada rakan-rakannya dalam aktiviti berkumpul. Murid juga boleh membuat penilaian sendiri semasa berbincang dengan rakan-rakannya.

Mata pelajaran	Reka Bentuk dan Teknologi (Tingkatan 1)
Objektif Pembelajaran	Murid dapat menyenaraikan elemen reka bentuk yang terdapat dalam lakaran produk.
Penerangan aktiviti : Murid akan bergerak dalam kumpulan dari satu stesen ke satu stesen yang lain untuk mengenal pasti elemen reka bentuk yang ada pada lakaran rakan-rakan mereka melalui penerangan rakan-rakan. Murid boleh memberi komen hasil kerja rakan mereka.	

Contoh 8: Pentaksiran Secara Lisan antara Murid dengan Bahan Pembelajaran

Pentaksiran ini berlaku semasa murid mendeklamasikan sajak menggunakan intonasi yang betul.

Mata pelajaran	Bahasa Melayu (Tingkatan 1)
Objektif Pembelajaran	Murid dapat mendeklamasi sajak yang diberikan oleh guru dengan baik.
Penerangan Aktiviti: Guru meminta murid mendeklamasikan sajak yang dipetik dari buku teks.	

Guru membuat catatan pentaksiran berdasarkan aktiviti tersebut dengan menggunakan pernyataan Standard Prestasi mengikut DSKP mata pelajaran Bahasa Melayu.

7.1.3 Kaedah Pentaksiran Secara Penulisan

Kaedah ini dilaksanakan untuk mengesan kebolehan murid dalam menguasai kemahiran dan perkembangan murid yang melibatkan aktiviti menyemak dan memeriksa hasil tugas murid dan juga pentaksiran sendiri.

Contoh 9: Lembaran Kerja (Soalan Latihan)

Guru dapat mentaksir pencapaian murid melalui latihan yang dibuat oleh murid seperti contoh berikut:

Mata pelajaran	Matematik - Nombor bulat dalam lingkungan 10 000 (Tahun 3)
Objektif Pembelajaran	Murid dapat menulis nombor mengikut tertib menaik dan menurun.
Arahan aktiviti : Susun semula dan menulis nombor mengikut tertib menaik dan menurun.	

Guru menyediakan lembaran latihan susun nombor untuk disusun dan diisi oleh murid.

1.	2143	2043	2343	2243
Tertib menaik				
Tertib menurun				
2.	8009	8015	8011	8013
Tertib menaik				
Tertib menurun				
3.	5403	5443	5423	5433
Tertib menaik				
Tertib menurun				

Contoh 10: Lembaran Kerja (Bentuk Jadual)

Guru dapat mengesan kefahaman murid tentang kandungan pembelajaran selepas PdP dijalankan.

Mata pelajaran	Sejarah (Tingkatan 1)
Objektif Pembelajaran	Membandingkan ciri-ciri kehidupan pada Zaman Prasejarah
Aktiviti : Guru memaparkan tayangan video tentang ciri-ciri kehidupan pada Zaman Prasejarah. Kemudian, guru mengedarkan jadual berkenaan ciri-ciri Zaman Prasejarah. Arahan: Murid dikehendaki melengkapkan jadual ciri-ciri kehidupan pada Zaman Prasejarah berdasarkan maklumat daripada tayangan video. Kemudian, guru mentaksir jawapan murid.	

Jadual Ciri Kehidupan Zaman Prasejarah

Nama Murid:

Zaman Prasejarah Ciri-ciri kehidupan	Paleolitik	Mesolitik	Neolitik	Logam
	Contoh Jawapan			
Tempat Kediaman	Dalam gua	Gua, pinggir sungai dan laut		
Peralatan				
Pengumpulan Makanan				
Kegiatan Ekonomi				
Kesenian dan Kebudayaan				

7.2 Pentaksiran Kendiri

Pentaksiran sendiri boleh menggunakan rubrik, senarai semak, skala kadar atau bentuk-bentuk lain yang sesuai.

Contoh 11: Lembaran Pentaksiran Kendiri Atau Refleksi

Lembaran ini membolehkan murid membuat refleksi tentang prestasi mereka sendiri. Lembaran pentaksiran sendiri atau refleksi di bawah dapat membantu murid mengimbas kembali objektif pembelajaran dan memberi maklum balas tentang cara objektif dicapai, termasuk teknik atau langkah yang digunakan sepanjang proses pembelajaran untuk mencapai hasil pembelajaran. Soalan yang diberi dalam lembaran ini adalah seperti:

- i. Apa (Tugas yang dijalankan)
- ii. Mengapa (Tujuan tugas)
- iii. Bagaimana (Teknik/cara untuk menjalankan tugas tersebut)
- iv. Kesan daripada pembelajaran

Contoh: PJPK Tahun 3

Bidang Kemahiran Akuatik Asas

Apa	Mengapa	Bagaimana	Kesan/Akibat
Tugas (diisi oleh murid)	Tujuan (diisi oleh murid)	Teknik (diisi oleh murid)	Bagaimana anda dapat mengesan hasil pembelajaran (diisi oleh murid)
Contoh jawapan			
Saya belajar berenang.	Untuk membolehkan saya berenang menggunakan tendangan keribas dengan betul dan selamat dalam kolam renang.	i. Saya boleh meluncur dengan kedua-dua belah tangan dan lengan rapat dengan telinga. ii. Saya boleh menggerakkan kaki dengan tendangan keribas sambil tangan memegang alat apungan. iii. Saya boleh berenang dengan	i. Saya boleh berenang secara ulang alik pada jarak yang dekat dalam kolam renang. ii. Saya boleh bermain permainan kecil posmen air dengan rakan-rakan.

Apa	Mengapa	Bagaimana	Kesan/Akibat
Tugas (diisi oleh murid)	Tujuan (diisi oleh murid)	Teknik (diisi oleh murid)	Bagaimana anda dapat mengesan hasil pembelajaran (diisi oleh murid)
Contoh jawapan		bebas dalam kolam menggunakan tendangan keribas sambil tangan memegang alat apungan. iv. Saya boleh menghembus dan menarik nafas.	

Contoh 12: Penggunaan Rubrik

Rubrik berfungsi sebagai rangka kerja untuk mentaksir hasil kerja murid. Contoh aktiviti pembelajaran yang boleh ditaksir menggunakan rubrik ialah projek dan folio. Kaedah ini dapat digunakan dengan konsisten dan boleh dipercayai. Rubrik dapat membantu murid dalam mentaksir hasil pembelajaran sendiri secara sistematik dan konsisten demi meningkatkan kemajuan diri.

Contoh arahan kepada murid:

Anda akan melakukan pentaksiran sendiri berkaitan penyelesaian masalah dalam enam set soalan Matematik yang anda akan lakukan.

Tandakan ✓ pada lajur di sebelah kanan bagi pernyataan yang sesuai dengan anda.

Aras pencapaian	Pernyataan	Set Soalan					
		1	2	3	4	5	6
1	Saya tidak menulis apa-apa untuk menerangkan bagaimana saya menyelesaikan masalah ini.						✓

Aras pencapaian	Pernyataan	Set Soalan					
		1	2	3	4	5	6
2	• Saya menulis sesuatu yang tidak masuk akal. • Saya menulis jawapan yang tidak jelas.					√	
3	• Saya menulis sedikit tentang apa atau mengapa saya lakukan, tetapi bukan kedua-duanya. • Saya menerangkan sedikit tentang langkah penyelesaian saya.				√		
4	• Saya menulis apa yang saya buat dan sedikit mengenai sebab saya membuat langkah ini. • Saya menerangkan kebanyakan kerja matematik saya		√			√	
5	• Saya menulis apa dan mengapa saya buat langkah ini. • Saya menerangkan setiap langkah dalam kerja penyelesaian saya. • Saya menggunakan istilah dan strategi matematik. • Saya menulis jawapan dalam ayat yang lengkap dalam penerangan saya.	√		√			

Sumber: Brookhart (2013)

Contoh 13: Senarai Semak

Mata pelajaran	Pendidikan Jasmani (Tingkatan 2)
Bidang Kemahiran	Permainan Hoki
Aktiviti : Murid berlatih mengelecek bola menggunakan kayu hoki pada beberapa jenis laluan iaitu laluan lurus, laluan selekoh dan laluan zigzag. Murid juga mengelecek sambil berlari. Dalam semua aktiviti murid perlu memastikan bola sentiasa rapat pada kayu hoki. Arahan: Berdasarkan kemahiran mengelecek dalam permainan hoki yang kamu telah pelajari, tandakan (v) pada petak penguasaan kemahiran.	

Borang senarai semak dalam pentaksiran sendiri:

Nama:		Kelas:	Tarikh:
Kemahiran	Kemahiran Mengelecek dalam Permainan Hoki	Ya (v) atau Tidak (X)	
1.	Saya boleh mengelecek bola dengan kayu hoki pada laluan lurus dan memastikan bola sentiasa rapat pada kayu hoki.		
2.	Saya boleh mengelecek bola dengan kayu hoki pada laluan selekoh dan memastikan bola sentiasa rapat pada kayu hoki.		
3.	Saya boleh mengelecek bola dengan kayu hoki pada laluan zigzag dan memastikan bola sentiasa rapat pada kayu hoki.		
4.	Saya boleh mengelecek bola dengan kayu hoki sambil berlari dan memastikan bola sentiasa rapat pada kayu hoki.		
5.	Saya boleh mengelecek bola dengan kayu hoki sambil berlari dan memastikan bola sentiasa rapat pada kayu hoki.		

Contoh 14: Skala Kadar

Nama murid:

Tahun/ Tingkatan:

Arahan:

Tandakan (√) pada skala yang sesuai dengan anda.

Kemahiran dalam penulisan	Rendah  Tinggi					Ulasan
	1	2	3	4	5	
Menampilkan idea dengan jelas				√		
Melakukan latihan secara serius				√		
Menggunakan bahasa yang tidak agresif			√			
Mematuhi arahan penulisan				√		
Tugasan lengkap				√		

Sumber: PPK (2001)

7.3 Pentaksiran Rakan Sebaya

Contoh pentaksiran rakan sebaya yang boleh dilakukan:

- i. Menyemak kerja murid lain selaras dengan kriteria tertentu, contohnya bertukar-tukar buku latihan, lembaran kerja atau kertas jawapan ujian dalam bilik darjah.
- ii. Perbincangan dalam kumpulan secara formal berdasarkan tugas yang dilakukan dalam bilik darjah.
- iii. Memeriksa dan memberi skor contoh kerja terdahulu, contohnya mentaksir contoh kerja yang baik dan tidak baik serta dapat menyatakan sebab kerja tersebut baik atau tidak baik.
- iv. Perbincangan dan maklum balas secara formal dan tidak formal.
- v. Kerja berkumpul untuk menggalakkan komunikasi, kolaboratif, kerja berpasukan dan pentaksiran sesama murid. Contohnya pembelajaran berasaskan projek, sesi lakon peranan, sketsa atau lain-lain aktiviti berkumpul.

Guru boleh menyediakan senarai semak, skala kadar atau lain-lain instrumen yang sesuai semasa pentaksiran rakan sebaya. Instrumen yang digunakan ini bergantung kepada aktiviti pentaksiran yang dijalankan.

Contoh 15: Borang Maklum Balas

Tajuk Karangan:
Komen tentang karangan: i. Saya suka penulisan karangan ini kerana.....
Cadangan penambahbaikan:

BAB 8

PENGURUSAN PENTAKSIRAN BILIK DARJAH

Pengurusan PBD di sekolah melibatkan perancangan, pelaksanaan dan pemantauan. Tujuan pengurusan PBD adalah untuk memastikan pelaksanaan PBD yang berterusan, berkesan dan berkualiti di sekolah. Guru diberi autonomi untuk menjalankan PBD yang seiring dengan PdP yang sejajar dengan DSKP. Pengetua/Guru Besar (PGB) harus mempunyai pengetahuan tentang PBD dan kemahiran melaksanakan PBD, selain memberi sokongan sepenuhnya kepada guru.

Bagi menjayakan pelaksanaan PBD di peringkat sekolah, pihak sekolah, JPN dan PPD memainkan peranan penting untuk membantu dan memberi sokongan kepada guru.

8.1 Pengurusan PBD di Peringkat Sekolah

- PBD merupakan salah satu agenda tetap dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kurikulum Sekolah dan Mesyuarat Panitia Mata Pelajaran.
- Perancangan PBD harus disediakan oleh setiap panitia mata pelajaran dan boleh digabungkan menjadi satu perancangan PBD di peringkat sekolah. Perancangan ini perlu dibincangkan dalam Jawatankuasa Kurikulum Sekolah dari aspek kemahiran guru, proses pelaksanaan dan pelaporan PBD.
- Satu mekanisme diwujudkan untuk mengenal pasti dan menyelesaikan masalah, membuat keputusan serta melaksanakan penambahbaikan berterusan berkaitan pengurusan PBD, guru boleh membincangkan isu/cabaran, misalnya di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kurikulum
- Bantuan teknikal diberi dari aspek kaedah PBD, pembinaan instrumen, kaedah moderasi, perekodan serta pelaporan (dalam templat excel).
- Penjaminan Kualiti PBD dijalankan, penjaminan kualiti PBD di sekolah diterangkan di bahagian 5.2.

8.2 Pengurusan PBD di Peringkat PPD

- Pemantauan pelaksanaan PBD di setiap sekolah untuk memastikan sekolah melaksanakan PBD dengan berterusan, berkesan dan berkualiti.
- Sesi perkongsian ilmu tentang PBD yang merangkumi amalan terbaik serta sesi penyelesaian masalah dalam kalangan Pengetua Guru Besar (PGB) dan guru dari sekolah-sekolah dalam daerah serta pelibatan jemputan pakar luar.
- Lawatan kunjung bantu ke sekolah diataskan untuk memantau pelaksanaan PBD serta memberi bimbingan (*coaching and mentoring*) kepada guru di sekolah.

8.3 Pengurusan PBD di Peringkat JPN

- PBD dijadikan sebagai salah satu agenda dalam dialog prestasi bersama PPD
- Memastikan perekodan dan pelaporan PBD dilaksanakan oleh setiap sekolah dalam setiap daerah
- Penyampaian maklumat terkini tentang PBD daripada KPM kepada PPD dan sekolah
- Pengumpulan isu dan cabaran pelaksanaan PBD di sekolah serta cadangan penambahbaikan dari semua daerah ke peringkat KPM

BAB 9

PENUTUP

PBD merupakan satu komponen dalam PBS yang dilaksanakan berterusan dalam PdP untuk mengukuhkan pembelajaran dan penguasaan murid di samping meningkatkan keberkesanan pengajaran guru. Pelaksanaan PBD yang berkesan bukan sahaja menyumbang kepada suasana pembelajaran yang menyeronokkan, malah ia juga merupakan kaedah pentaksiran yang autentik tanpa memberi tekanan kepada murid. Pentaksiran formatif yang berterusan dan pentaksiran sumatif yang dilakukan adalah untuk memberi fokus kepada perkembangan dan penguasaan murid dalam pembelajaran dan bukanlah untuk tujuan persaingan.

Pelaksanaan PBD memerlukan guru memahami Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi di samping pelbagai kaedah pentaksiran. Murid juga perlu dimaklumkan tentang aspek atau kriteria yang ditaksir. Keadaan ini membolehkan murid ditaksir dengan adil dan dalam keadaan mereka tahu serta bersedia untuk ditaksir. Laporan pentaksiran seperti Tahap Penguasaan murid juga perlu dimaklumkan kepada murid dan ibu bapa agar semua pihak tahu dan seterusnya boleh mengambil tindakan susulan yang sesuai ke arah meningkatkan penguasaan murid dalam pembelajaran mereka.

Pentaksiran merupakan sebahagian daripada PdP. Pentaksiran dalam bilik darjah ini menyumbang kepada pembentukan modal insan yang holistik dan seimbang seperti dihasratkan oleh Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Pelaksanaan pentaksiran yang berterusan dalam bilik darjah diharap dapat diperkasakan dan dibudayakan oleh pihak sekolah. Pembudayaan PBD dalam kalangan guru berupaya menghasilkan anjakan kepada pendidikan yang tidak berorientasikan peperiksaan.

GLOSARI

Anekdote. Catatan ringkas mengenai sesuatu peristiwa atau tingkah laku murid yang dianggap penting, unik dan signifikan untuk direkod. Anekdote ditulis selepas sesuatu peristiwa, untuk menerangkan apa yang berlaku, bila dan di mana ia berlaku. Penulisan anekdot biasanya ringkas tetapi dapat menjelaskan sesuatu perkara.

Data pentaksiran. Maklumat, fakta atau statistik yang dikumpulkan sepanjang pentaksiran untuk dianalisis atau dijadikan rujukan. Data pentaksiran terdiri daripada data kualitatif (seperti maklumat tentang sikap murid) dan data kuantitatif (seperti tahap penguasaan, skor dalam kuiz atau soalan latihan).

Instrumen pentaksiran. Alat yang digunakan dalam pentaksiran untuk mengumpul bukti tahap penguasaan murid. Contoh instrumen pentaksiran ialah senarai semak, skala kadar, soalan kuiz, kertas soalan latihan atau senarai soalan lisan.

Laporan Murid (Individu). Laporan tahap penguasaan murid secara individu dan dijana secara automatik dalam templat pelaporan PBD. Laporan ini memaparkan tahap penguasaan murid dan tafsiran tahap penguasaan tersebut, mengikut kelompok yang ditetapkan oleh mata pelajaran.

Moderasi. Proses penetapan aspek atau kriteria dalam pentaksiran yang membolehkan kepada guru berkongsi pengalaman, pengetahuan, pemahaman kurikulum (Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi), pedagogi serta pentaksiran bagi melaksanakan pertimbangan profesional. Proses ini melibatkan membuat keputusan yang konsisten dalam mentaksir tahap penguasaan murid. Moderasi dilaksanakan oleh guru mata pelajaran yang sama atau dalam Panitia yang sama. Moderasi penting bagi mengurangkan jurang pertimbangan profesional antara seorang guru dengan guru yang lain.

Pentaksiran formatif. Pentaksiran yang dijalankan secara berterusan sepanjang masa PdP. Pentaksiran formatif bertujuan untuk mengesan perkembangan dan kemajuan murid. Maklumat dari pentaksiran formatif boleh digunakan oleh guru untuk merancang strategi pengajaran ke arah meningkatkan pembelajaran dan tahap penguasaan murid.

Pentaksiran rakan sebaya. Pentaksiran yang dilakukan oleh seorang murid ke atas rakannya berdasarkan ketetapan dan panduan yang diberikan oleh guru. Pentaksiran ini memberi petunjuk kepada murid tentang perkembangan atau tahap penguasaan mereka dalam pembelajaran. Kaedah ini memberi peluang kepada murid untuk belajar dalam kumpulan, berkomunikasi antara satu sama lain dan melibatkan diri secara aktif dalam proses pembelajaran dengan bertanggungjawab.

Pentaksiran sebagai pembelajaran. Pentaksiran yang berlaku apabila murid membuat refleksi dan menilai pembelajaran masing-masing. Pentaksiran ini terdiri daripada refleksi, pentaksiran sendiri dan pentaksiran rakan sebaya. Pentaksiran ini membolehkan murid memahami tujuan mereka belajar dan menyedari apa yang patut mereka lakukan bagi mencapai sesuatu objektif pembelajaran.

Pentaksiran sumatif. Pentaksiran yang dilakukan selepas tamat sesuatu unit pembelajaran. Pentaksiran ini boleh dilaksanakan di akhir sesuatu tempoh, tajuk atau bidang pembelajaran. Pentaksiran sumatif termasuklah ujian bulanan, peperiksaan pertengahan dan akhir tahun atau projek akhir pembelajaran.

Pentaksiran tentang pembelajaran. Pentaksiran yang berlaku di akhir sesuatu tempoh, tajuk atau bidang pembelajaran. Lazimnya pentaksiran ini berlaku dalam bentuk ujian sumatif. Data dari pentaksiran ini menjadi petunjuk kepada pencapaian atau penguasaan murid dalam sesuatu tajuk sebelum beralih kepada tajuk atau pelajaran seterusnya.

Pentaksiran untuk pembelajaran. Pentaksiran yang dilakukan secara berterusan dalam PdP. Maklumat yang diperolehi dari pentaksiran ini digunakan untuk merancang strategi atau langkah seterusnya dalam pengajaran ke arah meningkatkan pembelajaran dan tahap penguasaan murid.

Pentaksiran sendiri. Pentaksiran yang berlaku apabila murid menilai kerja mereka sendiri berdasarkan bukti dan kriteria yang jelas untuk meningkatkan prestasi mereka. Kaedah ini menggalakkan murid untuk melibatkan diri dan bertanggungjawab dalam pembelajaran sendiri. Kaedah pentaksiran ini dapat membantu murid mengesan kemajuan, kekuatan dan kekurangan diri, tahap penguasaan seterusnya pencapaian diri sendiri dalam pelajaran.

Pertimbangan profesional. Pertimbangan yang dibuat menggunakan pengetahuan yang profesional terhadap kurikulum yang dihasratkan mencakupi pengetahuan, kemahiran dan nilai, bukti pembelajaran, strategi pengajaran dan kaedah pentaksiran, serta kriteria dan standard yang ditetapkan untuk penguasaan murid dalam pembelajaran mereka. Pertimbangan profesional memerlukan guru membuat keputusan berdasarkan analisis dan rumusan maklumat pembelajaran murid secara beretika serta bertanggungjawab mengenai tahap penguasaan murid.

Rekod berterusan (*running record*). Catatan terperinci tentang kejadian mengikut turutan masa. Catatan dalam bentuk cerita naratif yang di buat ke atas individu atau kumpulan murid semasa berlakunya sesuatu peristiwa. Setiap perlakuan dan apa yang diperkatakan oleh murid akan dicatat sepanjang pemerhatian. Pemerhatian yang terperinci ini biasanya dijalankan dalam tempoh lima hingga sepuluh minit. Catatan dalam rekod berterusan merangkumi kemahiran, penggunaan bahan khususnya bahan pembelajaran serta interaksi murid sama ada dengan murid lain, bahan atau persekitaran mereka.

Rubrik. Set pernyataan yang menjadi rangka kerja atau panduan untuk mentaksir murid, hasil kerja atau hasil pembelajaran mereka.

Senarai semak. Senarai item yang disediakan untuk mengenal pasti perkembangan murid dari segi pengetahuan, kemahiran, sikap dan kebolehan. Senarai item yang disediakan adalah untuk menyemak sama ada telah berlaku perubahan tingkah laku atau dari segi kekerapan berlakunya sesuatu tingkah laku.

Skala kadar. Skala yang menunjukkan darjah kemajuan dan pencapaian sesuatu tingkah laku, kemahiran atau amalan murid. Skala yang digunakan boleh dinyatakan dalam bentuk angka atau gred.

Standard Kandungan. Pernyataan spesifik tentang perkara yang murid patut ketahui dan boleh lakukan dalam suatu tempoh persekolahan merangkumi aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai.

Standard Pembelajaran. Suatu penetapan kriteria atau indikator kualiti pembelajaran dan pencapaian yang boleh diukur bagi setiap standard kandungan.

Standard Prestasi. Suatu set kriteria umum yang menunjukkan tahap-tahap penguasaan yang perlu murid pamerkan sebagai tanda bahawa sesuatu perkara itu telah dikuasai murid.

Tahap Penguasaan. Satu bentuk pernyataan pencapaian yang menunjukkan perkembangan pembelajaran murid. Terdapat enam tahap penguasaan yang menunjukkan aras penguasaan, disusun secara hierarki dan digunakan bagi tujuan rujukan pencapaian dalam mata pelajaran.

Tahap penguasaan keseluruhan. Tahap penguasaan yang diberikan pada akhir sesi persekolahan. Tahap penguasaan keseluruhan ditentukan oleh guru menggunakan pertimbangan profesional berdasarkan Standard Prestasi, pengetahuan, pengalaman, dan interaksi guru dengan murid serta perbincangan rakan sejawat dalam mata pelajaran yang sama.

Tahap penguasaan minimum. Tahap penguasaan yang sepatutnya dicapai oleh semua murid. Tahap penguasaan minimum ialah pada Tahap Penguasaan 3 iaitu murid boleh menggunakan pengetahuan untuk melaksanakan sesuatu kemahiran atau tugas pada sesuatu situasi.

Templat pelaporan PBD. Tapak pelaporan PBD yang disediakan mengikut mata pelajaran, Tahun/Tingkatan dalam fail MS Excel dan digunakan oleh guru secara luar talian. Templat pelaporan ini terdiri daripada lima halaman iaitu halaman Panduan, Rekod Prestasi Murid, Laporan Murid (Individu), Data Pernyataan Tahap Penguasaan dan Graf Pelaporan.

PENGHARGAAN

Penasihat

Dr. Mohamed bin Abu Bakar	Pengarah Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK)
Datin Dr. Ng Soo Boon	Timbalan Pengarah BPK (Dasar dan Sains & Teknologi) (sehingga 13.6.2019)
Mazlan bin Samsudin	Timbalan Pengarah BPK (Dasar dan Sains & Teknologi) (bermula 17.6.2019)

Penyelaras

Hj. Naza Idris bin Saadon	BPK
Dr. Ilhavenil a/p Narinasamy	BPK

Pembantu Penyelaras

Dr. Siew Siew Kim	BPK
Dr. Wan Nor Fadzilah binti Wan Husin	BPK
Sudiman bin Musa	BPK
Logeswari a/p M. Arumugam	BPK

Pereka Grafik

Sharifah Faridah binti Syed Khalid	BPK
Siti Zulikha binti Zelkepli	BPK

Panel Penulis

Hjh. Nor'Aidah binti Nordin	BPK
Dr. Ilhavenil a/p Narinasamy	BPK
Dr. Siew Siew Kim	BPK
Rosita binti Mat Zain	BPK
Than Chew Keok	BPK
Tan Huey Ning	BPK
Kamariah binti Mohd Yassin	BPK
Hjh. Nor Azza binti Ibrahim	BPK
Mohd Kamal bin Hj. Abdullah	BPK
Muhamad Fauzi bin Hj. Abdul	BPK
Arni Suharti binti Mohamed Yasin	BPK
Wan Maziani binti Wan Muhamad	BPK
Dr. Quek Weng Kim	BPK
Seow Hooi Lee	BPK
YM Tunku Ireneza Marina binti Tunku Mazlan	BPK
Miftahuljannah binti Kamaruddin	BPK
Umi Salmah binti A. Manaf	BPK
Halim bin Jajuli	BPK
Mash Manjawani binti Mat	BPK

Norlei binti Ismail	BPK
Rofiah binti Abdul Talib	BPK
Mohd. Shafiee bin Abdul Ghani	BPK
Wong Sui Yong	BPK
Zainal Abidin bin Ismail	BPK
Faizah binti Ismail	BPK
Massita binti Ramlan	BPK
Rahimah binti Ismail	BPK
Azza binti Ibrahim	BPK
Velusamy a/l Kuppusamy	BPK
Siti Sarah binti Mohd Noor	BPK
Noor Azlin binti Amihamzah	BPK
Chin Fong Phin	BPK
Muhanizah binti Ahmad Mokhtar	BPK
Nadaraja a/l Muniandy	BPK

Turut Menyumbang

Hawiah@Hawayah binti Mohd Tahir	Jemaah Nazir (JN)
Thava Rajan a/l Subramaniam	JN
Mohd Sharil bin Mohd Anip	JN
Rohesan Muhamad	Lembaga Peperiksaan (LP)
Zulkifli bin Mohd Salleh	LP
Suhaila binti Abdullah	LP
Md Som bin Jelon	LP
Farah Mona binti Meor Ahmad	LP
Azlina binti Mat Isa	LP
Noryate binti Muda	Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (BPSH)
Kamariah binti Zainnul Abiddin	JPN Perak
Khairul Anuar bin Abdullah	JPN Kedah
Ahmad Azhan bin Abd Hamid	PPD Kuala Terengganu
Anita binti Parlan	JPN Selangor
Noor Syafiza binti Ariffin	SK Wangsa Jaya
Teo Peck Hwa	SKJ(C) Kheow Bin
Wan Norul Hidayah binti Wan Hamat	SK Putrajaya Presint 18 (2)
Senpagam a/p Arumugam	SJK(T) Ladang Renjok
Chong Ser Hoon	SK Tanjung Malim
Sarizana binti Sabarudin	SMK Taman Setiawangsa
Sri Haryati binti Taris	SMK Bandar Tasik Puteri
Rozita binti Ismail	SMK Putrajaya Presint 8 (1)
Nur Baiti binti Rosli	SMK Bukit Tinggi
Nur Mariatul Kiptiah binti Mokhtar	SMK Dato' Zulkifli Muhammad
Upiq Asmar binti Zainal Abidin	SK Bukit Bandaraya
Razali bin Talib	SMK Seremban Jaya 2
Azmi bin Othman	SMA Rantau
Badrul A'Alam bin Hj. Nor	SMKA Melor
Jamilah binti Abdulhan	SMK Bandar Seri Alam

Norhashimah binti Saleh
 S. Tamiel Selvi a/p Sundararaju
 Nur Fatin Zafierah binti Zafri
 Rosita binti Abdul Rahman
 Chong Gee Seng
 Norulhidayah binti Abdul Rahman
 Azni Suhana binti Hasshim
 Ahmad bin Bidin
 Azlina binti Yusoff
 Shahir bin Shahidin
 Rusanida binti Awang Hitam
 Lin Wai Ling
 Nor Aishah binti Noor Wavi
 Sanbagavali a/p Subramaniam
 Noor Azizah binti Ahmad
 Ash'ari bin Sharif
 Sandrasegaran a/l Ponnann

SK Tunku Raudzah
 SJK(T) Kangkar Pulai
 SK Bukit Baru
 SK Jati
 SJK(C) Puay Chai
 SMK Bukit Sentosa 2
 SMK Putrajaya Presint 9(2)
 Kolej Tunku Kurshiah
 SK Jalan Semenyih 1
 SK Setapak Indah
 SK Putrajaya Presint 16(1)
 SJK(C) Imbi
 SMK Taman Sea
 SMK Pandamaran Jaya
 SMK Putrajaya Presint 9(1)
 SMK Seri Hartamas
 SJK(T) Ladang Seremban

Penasihat Editorial

Datin Dr. Ng Soo Boon

Timbalan Pengarah (Dasar dan Sains & Teknologi)

Hj. Naza Idris bin Saadon
 Mohamed Salim Taufix Rashidi
 Dr. Rusilawati binti Othman
 Mahyudin bin Ahmad
 Paizah binti Zakaria
 Fazlinah binti Said
 Mohamed Zaki bin Abdul Ghani
 Bakhtiar bin Mohd. Salleh
 Dr. Kashry bin Ab. Rani
 Dayang Nor Ashikin binti Harun
 Zainon binti Abdul Majid
 Sandra Longijin
 Azmi bin Harun

BPK
 BPK
 BPK
 BPK
 BPK
 BPK
 BPK
 BPK
 BPK
 BPK
 BPK
 BPK
 BPK

Setinggi-tinggi penghargaan juga dirakamkan kepada semua pihak yang telah menyumbang kepada penghasilan buku ini, sama ada secara langsung atau tidak langsung.

SENARAI RUJUKAN

- Black, P. & William, D. (1998). Assessment and classroom learning. *Assessment in Education*, 5(1). 7-71.
- Brookhart, S. M. (2013). *How to create and use rubrics for formative assessment and grading*. ASCD. Virginia: USA.
- Hipkins, R., & Robertson, S. (2011). *Moderation and teacher learning. What can research tell us about their relationships?* Wellington: New Zealand Council for Educational Research.
- International Baccalaureate (2011). Middle years programme. Personal project guide. United Kingdom: International Baccalaureate Organization.
- International Baccalaureate. (2014). International Baccalaureate Middle Years Programme Subject Brief. https://www.ibo.org/globalassets/digital-toolkit/brochures/myp-brief_personal-project_2015.pdf. (Dicapai pada 15 Jun 2018).
- International Baccalaureate. (2017). Middle years programme. 10 steps to successful MYP personal projects. International Baccalaureate Organization. <https://www.ibo.org/globalassets/digital-toolkit/brochures/10-steps-to-successful-myp-personal-projects-en.pdf>. (Dicapai pada 20 Jun 2018).
- International Bureau of Education. (2017). *Inclusive Student Assessment*. Geneva: IBE-UNESCO
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2014). *Panduan Pengurusan Pentaksiran Berasaskan Sekolah*. Putrajaya: Lembaga Peperiksaan.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2016). *Panduan Pelaksanaan Pentaksiran Sekolah*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Klenowski, V. & Adie, L. (2009). Moderation as judgement practice: Reconciling system level accountability and local level practice. *Curriculum Perspectives* (Journal Edition), 29(1), 10-28.
- MELS. (2016). *Values assigned to the professional judgement of teachers: Questions and answers*. <http://collections.banq.qc.ca/ark:/52327/bs47166> (Dicapai pada 12 Januari 2018).
- Ministry of Education, Ontario. (2016). *Growing Success: Assessment, evaluation and reporting in Ontario schools*. <http://www.edu.gov.on.ca/eng/policyfunding/growSuccess.pdf> (Dicapai pada 12 Januari 2018)

Nur Atikah Idrus Hamka, Nur Farhan Nazri, Nor Daini Shahira Roslan. (2014). *Rekod-rekod untuk mengesan perkembangan kanak-kanak*. Tugas Kursus ETD1223 Pengesanan Perkembangan Kanak-Kanak. Diploma Pengajian Prasekolah. Universiti Selangor.

Pusat Perkembangan Kurikulum. (1996). *Buku Panduan Penilaian Kendalian Sekolah Menengah*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.

Pusat Perkembangan Kurikulum. (2001). *Penilaian Kendalian Sekolah*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.

William, D. & Leahy, S. (2015). *Embedding Formative Assessment*. Florida: Learning Sciences International.



Bahagian Pembangunan Kurikulum
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 4-8 Blok E9, Kompleks Kerajaan Parcel E
62604 Putrajaya
Tel: 03-8884 2000 Fax: 03-8888 9917
<http://bpk.moe.gov.my>